

Anugerah Bitara Kesidang 2024





Anugerah Bitara Kesidang 2024



© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

CETAKAN PERTAMA 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
Ahli Clarivate Analytics

Penaung

YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin

Penasihat

YBrs. Profesor Dr. Zulkiflie Ibrahim
YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Omar

Pengerusi Pelaksana

Profesor Madya Dr. Mohd Shakir Md Saat

Ketua Editor

Profesor Madya Dr. Mohd Shakir Md Saat

Editor

Profesor Madya Dr. Muliati Sedek
Encik Mohammad Syarin Sapuan

Pembaca Pruf

Puan Nur Azriah Amir

Pereka Kulit dan Pengatur Huruf

Puan Suria Abdul Rahman

Diterbitkan dan Dicetak di Malaysia oleh

Penerbit UTeM Press
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.
Tel: +606 270 1241 Faks: +606 270 1038

Visi

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif
terkemuka di dunia.

Misi

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada
kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif;
- Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional;
- Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.

Kata Mu-Ahuan

NAIB CANSELOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majlis Anugerah Bitara Kesidang 2024 dapat dianjurkan buat julung kalinya pada tahun ini. Lebih istimewa, majlis ini turut diadakan bersempena Majlis Makan Malam Konvokesyen UTeM kali ke-20. Majlis ini bertujuan meraikan dan mengiktiraf kecemerlangan ahli akademik dan pentadbir universiti yang telah memperlihatkan komitmen dan sumbangan cemerlang dalam bidang masing-masing. Anugerah ini bukan hanya menghargai pencapaian dalam pengajaran dan penyelidikan, tetapi juga merangkumi pentadbiran dan pengurusan, yang merupakan elemen penting dalam memastikan kejayaan dan kelestarian universiti.

Dalam ekosistem universiti, ahli akademik dan pentadbir adalah 'persona' yang memainkan peranan penting yang saling melengkapi. Ahli akademik berperanan sebagai pemangkin ilmu dengan bukan sahaja terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran tetapi juga dalam penyelidikan, penulisan, dan penerbitan. Mereka turut menyumbang kepada pengkomersialan ilmu serta pembangunan masyarakat melalui inovasi dan kajian berimpak tinggi. Selain itu, ahli akademik bertindak sebagai penasihat pakar dalam isu-isu strategik dan membantu merumus dasar yang menyokong pembangunan universiti dan negara.

**Anugerah
Bitara Kesidang 2024**



Di pihak pentadbir pula, mereka merupakan tulang belakang operasi harian universiti. Peranan mereka termasuk memastikan kelancaran penyelarasan antara jabatan dan fakulti serta membantu ahli akademik merealisasikan projek dan program melalui pentadbiran yang cekap. Pentadbir juga memainkan peranan penting dalam memudahkan cara pelaksanaan inisiatif strategik serta penambahbaikan dalam aspek kewangan, perancangan dan pengurusan sumber manusia. Dalam kalangan pelaksana, tugas mereka tidak kurang pentingnya, kerana mereka memastikan setiap program dan aktiviti universiti berjaya dilaksanakan dengan efektif.

Majlis Anugerah Bitara Kesidang 2024 mengiktiraf sumbangan penting ahli akademik dan pentadbir melalui tiga kategori utama. Anugerah Khas Tun Canselor dianugerahkan kepada individu atau kumpulan yang telah memberikan sumbangan luar biasa dan berimpak tinggi, sama ada dalam bidang akademik, pentadbiran atau khidmat masyarakat, serta menghasilkan impak signifikan kepada komuniti, negara, dan dunia. Anugerah Akademik Universiti pula mengiktiraf ahli akademik yang cemerlang dalam pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan inovasi, dengan harapan dapat memupuk budaya ilmu dan kreativiti di kampus. Sementara itu, Anugerah Khas Pentadbir dan Pelaksana diberikan kepada pentadbir dan pelaksana yang menunjukkan komitmen serta prestasi cemerlang dalam memastikan kejayaan operasi harian dan program universiti.

Majlis ini bukan sekadar acara penghargaan tetapi juga satu inisiatif untuk memupuk budaya kecemerlangan dan motivasi dalam kalangan warga universiti. Pengiktirafan ini diharapkan dapat menggalakkan setiap individu untuk terus memperkukuh kompetensi diri, berinovasi, dan menyumbang ke arah kejayaan universiti serta pembangunan negara.


Sekali lagi, tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah pada malam ini. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada seluruh warga universiti untuk terus berusaha, berinovasi, dan komited dalam memajukan institusi kita ke tahap yang lebih tinggi.

Terima kasih.

Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Atur Cara

**Makan Malam Konvokesyen ke-20 UTeM
dan Anugerah Bitara Kesidang 2024
7 November 2024 (Khamis) | Hatten Hotel Melaka**



- 7.30 Malam : Ketibaan Tetamu Jemputan
- 7.55 Malam : Ketibaan
YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin
Naib Canselor UTeM
- 8.00 Malam : Ketibaan
YBhg. Dato' Dr. Husaini bin Omar
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- 8.05 Malam : Ketibaan Dif-Dif Kehormat
- 8.15 Malam : Ketibaan
YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
- 8.20 Malam : Ketibaan
YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh
Ketua Menteri Melaka
& YABhg. Datin Seri Utama Zuriyah binti Ab. Aziz

8.30 Malam : Ketibaan
Tuan Yang Terutama
Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam
Yang di-Pertua Negeri Melaka, Merangkap Canselor UTeM &
YABhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman

- 8.40 Malam - Lagu Negaraku dan Lagu Melaka Maju Jaya
- Nyanyian Lagu UTeM Terbilang
 - Ucapan Aluan Oleh Naib Canselor UTeM
 - Persembahan Montaj Makan Malam Konvokesyen ke--20
 - Jamuan Makan Malam Diiringi Persembahan Kebudayaan

- 9.30 Malam - Persembahan Montaj Anugerah Bitara Kesidang 2024
- Majlis Penyampaian Anugerah Bitara Kesidang 2024 (Sesi I)
 - Persembahan Artis Jemputan
 - Majlis Penyampaian Anugerah Bitara Kesidang 2024 (Sesi II)
 - Penyampaian Cenderemata
 - Lagu Negaraku dan Lagu Melaka Maju Jaya

10.45 Malam : TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam
Yang di-Pertua Negeri Melaka Merangkap Canselor UTeM &
YABhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman
beredar meninggalkan majlis

: Majlis Bersurai



Anugerah Khas Tun Canselor



Anugerah Khas Tun Canselor (AKTC)

Anugerah Khas Tun Canselor (AKTC) merupakan pengiktirafan tertinggi di peringkat universiti bagi menghargai sumbangan individu atau kumpulan melalui pelaksanaan projek dalaman dan luaran yang memberi impak signifikan kepada UTeM. Kali pertama diperkenalkan pada tahun 2024, anugerah ini memberi fokus kepada inisiatif yang mendatangkan manfaat dalam pelbagai aspek, termasuk penjimatan, keselamatan, kesihatan, kelestarian, dan lain-lain bidang penting seperti penerbitan, keusahawanan, dan teknologi.

AKTC mengiktiraf projek yang menyumbang kepada penambahbaikan organisasi melalui inovasi dan pengurusan sumber yang cekap, termasuk pengurangan kos operasi dan proses kerja yang lebih efisien. Selain usaha penjimatan tenaga, ia juga merangkumi inisiatif yang menggalakkan penerbitan akademik, pembangunan keusahawanan, dan penerapan teknologi baharu seperti Internet of Things (IoT) dan automasi. Dalam aspek keselamatan, anugerah ini menghargai projek yang memperkuat pengurusan risiko serta meningkatkan keberkesanan prosedur kecemasan melalui sistem pemantauan pintar dan proses respons yang lebih pantas.

Selain itu, AKTC turut memberi perhatian kepada projek yang mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan warga kampus, seperti kempen kesihatan mental atau penambahbaikan perkhidmatan klinik. Inisiatif yang menyokong kelestarian dan ekosistem pembelajaran seperti program *zero waste* atau aplikasi untuk memantau prestasi pelajar juga diberi pengiktirafan. Projek-projek yang menyumbang kepada peningkatan dalam bidang penerbitan dan kerjasama industri, serta pembangunan keusahawanan dalam kalangan staf dan pelajar, adalah selari dengan matlamat AKTC untuk memperkasa warga universiti dalam pelbagai bidang.

Anugerah ini menyokong Teras Strategik 4 (ST4) UTeM, iaitu Mencetus Ekosistem Rancak Melestarikan Universiti, dengan mewujudkan budaya inovasi dan kolaborasi yang dinamik dan mampan. Melalui anugerah ini, universiti berusaha mencapai ekosistem yang progresif dengan memanfaatkan inovasi dalam teknologi, keusahawanan, dan penerbitan. Di samping itu, fokus terhadap penjimatan, pengurusan sumber, dan penglibatan masyarakat membantu UTeM menjadi institusi yang proaktif dan mesra alam.

Secara keseluruhannya, AKTC bukan sahaja menggalakkan peningkatan mutu perkhidmatan dan pengurusan, tetapi juga menyemai budaya inovasi, penerbitan, dan keusahawanan. Diharapkan pengiktirafan ini akan mencetus lebih banyak idea dan projek berimpak tinggi, sekali gus memperkukuh reputasi UTeM sebagai universiti yang progresif, bertanggungjawab, dan relevan kepada masyarakat serta industri.

Kriteria Penilaian

1. Sumbangan Kreativiti dan Inovasi

Kriteria ini menilai sejauh mana individual atau kumpulan telah menyumbang kepada kreativiti dan inovasi yang memberikan penambahbaikan signifikan kepada organisasi. Fokusnya adalah pada usaha yang memperkenalkan cara baharu atau inovatif untuk:

- **Meningkatkan mutu perkhidmatan:** Contoh – memperkenalkan sistem digital untuk meningkatkan kecekapan proses dalaman seperti pemantauan kehadiran staf atau pengurusan data pelanggan.
- **Penambahbaikan proses kerja:** Contoh – memperkenalkan prosedur standard operasi (SOP) baharu yang mengurangkan masa pemprosesan atau menambah baik keselamatan.
- **Penggunaan teknologi:** Contoh – memperkenalkan automasi atau sistem berasaskan *Internet of Things* (IoT) untuk pemantauan aset atau kemudahan universiti.
- Inisiatif di bawah kriteria ini mesti menunjukkan impak nyata, sama ada dari segi penjimatan masa, kos, atau peningkatan produktiviti.

2. Peranan/Jawatan dalam Aktiviti Khidmat Masyarakat/Industri

Kriteria ini menekankan peranan calon dalam menyumbang kepada masyarakat atau industri melalui projek khidmat komuniti atau kolaborasi dengan pihak luar.

- **Projek khidmat masyarakat:** Contoh – dalam projek khidmat komuniti seperti program kesedaran kesihatan, kempen kebersihan atau aktiviti pendidikan kepada komuniti tempatan.
- **Kolaborasi dengan industri:** Contoh – Memimpin inisiatif bersama industri seperti latihan praktikal, kursus kemahiran atau forum yang menghubungkan universiti dan industri.
- **Peranan penting dalam organisasi:** Contoh – Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang memberi manfaat kepada masyarakat dan industri.

Kriteria ini juga menilai bagaimana sumbangan calon berjaya membina jaringan yang kukuh antara universiti dan masyarakat atau sektor industri.

3. Pengiktirafan/Anugerah yang Diterima

Kriteria ini menilai **prestij dan tahap pengiktirafan** yang diterima oleh calon melalui anugerah, pangkat kebesaran, atau status pakar rujuk.

- **Pengiktirafan peringkat nasional atau antarabangsa:** Contoh – Menerima anugerah inovasi peringkat kebangsaan seperti Anugerah Inovasi Negara atau pengiktirafan daripada institusi antarabangsa.
- **Pangkat kebesaran:** Contoh – Diberikan gelaran kehormat seperti Dato' atau Profesor Emeritus atas sumbangan profesional.
- **Status sebagai pakar rujuk:** Contoh – Dilantik sebagai ahli panel, penasihat, atau juri untuk program atau inisiatif tertentu.

Kriteria ini menunjukkan sejauh mana pengiktirafan luar menyokong pencapaian dan prestasi calon dalam bidang profesional dan komuniti.

4. Penglibatan Lain

Kriteria ini memberi ruang untuk penilaian sumbangan tambahan yang mungkin tidak termasuk dalam kategori utama tetapi tetap memberi nilai kepada organisasi.

- **Pengembangan profesional:** Contoh – Mengikuti kursus, latihan atau seminar yang berkaitan dengan peningkatan kompetensi diri dan profesionalisme.
- **Sumbangan kepada organisasi:** Contoh – Menjadi ahli jawatankuasa penting di universiti, terlibat dalam pembangunan dasar atau program universiti atau aktif menyumbang dalam kelab dan persatuan staf.
- **Mentor dan fasilitator:** Terlibat dalam program mentor-mentee, melatih kakitangan baharu atau memberi bimbingan kepada pelajar dalam projek tertentu.

Kriteria ini memberi penekanan kepada inisiatif tambahan yang melengkapkan sumbangan utama calon dan mencerminkan komitmen mereka terhadap pembangunan organisasi dan komuniti.

Penilaian AKTC berdasarkan empat (4) kriteria ini memastikan bahawa calon yang layak bukan sahaja memberi impak kepada mutu perkhidmatan tetapi juga berperanan aktif dalam komuniti dan industri, menerima pengiktirafan luar, serta sentiasa komited dalam pembangunan profesional. Dengan penekanan kepada aspek inovasi dan kreativiti, anugerah ini membantu memacu UTeM ke arah mencapai Teras Strategik 4 (ST4): Mencetus Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti.

Calon-calon Akhir

Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE)



Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE) di UTeM berperanan aktif dalam membudayakan keusahawanan, menggalakkan mahasiswa untuk menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya atau sekurang-kurangnya memiliki *entrepreneurial mindset*. Dalam mencapai objektif ini, CREATE bekerjasama dengan pelbagai agensi dan komuniti seperti Koperasi Usahawan Asnaf Negeri Melaka (KUASA), INSKEN, MDEC, Women Leadership Foundation (WLF), Bank Rakyat, Maybank Islamic, SME-Corp, Yayasan Prihatin, dan lain-lain.

Salah satu program yang mendapat sambutan awal ialah “Label Menarik, Ramai Tertarik”, yang menekankan teknik pelabelan dan pembungkusan produk menggunakan teknologi retort. Program ini menampilkan Encik Zaidi Omar, Ikon Usahawan Asnaf Melaka, dan menarik penyertaan ramai usahawan asnaf lain di Melaka. Kejayaan ini mendorong CREATE membuka lebih banyak program kepada komuniti dan memperluas manfaatnya melangkaui kampus UTeM.

Sejak 2021, CREATE menggunakan strategi 3C – *Change, Collaboration & Cheap* – dengan fokus kepada perubahan melalui kerjasama strategik bersama rakan luar dan tajaan berbentuk in-kind untuk meminimumkan kos program. Salah satu kejayaan besar ialah program *Digital Entrepreneurship* Asnaf (DEA), yang dianjurkan dengan kerjasama Maybank Islamic, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), dan JAKIM. Program bernilai RM250,000 ini melibatkan 200 peserta dari kalangan asnaf UTeM dan komuniti wanita serta mualaf Melaka. Peserta turut menerima elaun bulanan RM300 dan bimbingan berterusan untuk memperkembangkan perniagaan digital mereka.

Usaha CREATE dalam meningkatkan literasi pemasaran digital menarik minat Malaysia *Digital Economy Corporation* (MDEC) untuk menjalin kerjasama lebih erat. Pada 2024, MDEC menaja program eUsahawan International Conference 2024: *Shaping Tomorrow's Success* dengan tajaan RM40,000 berbentuk in-kind. Persidangan ini menampilkan tokoh-tokoh terkenal seperti Azzim Zahid Azmi, pengasas jenama Bulan Bintang, Hasbul Aqill dari Hasbul Brothers, dan En. Lukman Firdaus dari TikTok Malaysia. Hanya dua (2) universiti di Malaysia terpilih untuk penganjuran program ini, dengan UTeM menjadi salah satu daripadanya.

Penglibatan aktif UTeM bersama MDEC dalam program keusahawanan digital dan literasi digital menjadikan UTeM universiti teknikal awam pertama yang diiktiraf sebagai Hub eUsahawan oleh MDEC. Anugerah tersebut disampaikan oleh YBr. Tuan Fabian Bigar, Ketua Setiausaha Kementerian Digital, dan disaksikan oleh Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi.

CREATE terus komited memperkasa mahasiswa dan komuniti melalui program-program keusahawanan dengan kerjasama pihak luar. Selain memanfaatkan sumber dan tajaan berbentuk in-kind, CREATE turut memperluas agenda pembangunan masyarakat melalui aktiviti-aktiviti keusahawanan yang menyokong kemajuan ekonomi digital.

Calon-calon Akhir

Penerbit UTeM



Penerbit UTeM berperanan dalam menerbitkan dan memasarkan pelbagai bahan akademik dan penyelidikan, termasuk Karya Asli, Monograf, Buku Teks, Jurnal, Prosiding, Karya Suntingan serta Modul Pengajaran dan Pembelajaran.

Sejak penubuhan pada tahun 2000, Penerbit UTeM telah meraih pencapaian demi pencapaian yang membanggakan antaranya penerbitan lebih 1,000 judul buku ilmiah dan merupakan antara penyumbang terbesar dalam menyokong aktiviti penajaan pendapatan universiti menerusi hasil jualan runcit, jualan di pesta buku dalam dan luar negara serta platform e-pemasarannya. Tahun 2023 menyaksikan Penerbit UTeM berjaya mengatasi penerbit MTUN menerusi hasil jualan di pesta buku terbesar iaitu Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur dan Pesta Buku Antarabangsa Selangor. Rentetan kerancangan aktiviti jualan dan pemasaran buku akademik dan penyelidikan, Penerbit UTeM telah menjuarai kategori Penajaan Kewangan Tertinggi Pusat Tanggungjawab pada Anugerah Akademik Universiti 2022.

Anugerah



Lebih membanggakan apabila lima (5) buku penyelidikan terbitan Penerbit UTeM berjaya tersenarai dalam pangkalan data *Web of Science* (WoS), *Clarivate Analytics*, dan dua (2) jurnal terbitannya telah berjaya di indeks di pangkalan data antarabangsa berimpak tinggi iaitu *Journal of Advanced Manufacturing Technology* (JAMT) telah mendapat indeks SCOPUS sejak tahun 2017 dan *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering* (JTEC) telah disenaraikan dalam pengiktirafan jurnal dalam *Excellence in Research for Australia* (ERA) bermula tahun 2023.

Penerbit UTeM terus melakar kejayaan apabila memenangi beberapa anugerah penerbitan antaranya Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Anugerah Buku Negara serta Anugerah Persuratan Selatan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan.

Penerbit UTeM juga aktif menjalin kerjasama penerbitan dengan beberapa rakan kolaborasi seperti Istana Melaka, AKEPT, KASTAM, Institut Tun Perak, UKM, UM, UiTM dan ASTRO; juga merupakan rakan strategik Anugerah Buku Negara, Ekspo Buku Malaysia 2024, Kelab Penulis Malaysia dan Sekretariat Forum Dunia Melayu Dunia Islam.

Kepakaran Penerbit UTeM tidak disangkal lagi menerusi pelantikan dalam Jawatankuasa MAPIM, Jawatankuasa SERANTA, Jawatankuasa Pemasaran MAPIM dan Panel Penilai dalam Anugerah MAPIM, selain sering menerima kunjungan lawatan penada aras daripada penerbit universiti lain.

Pencapaian-pencapaian ini sekali gus membantu meningkatkan reputasi UTeM sebagai pusat kecemerlangan dalam penyelidikan dan penerbitan akademik.



Calon-calon Akhir



Pusat Perkhidmatan Data Raya dan IoT (PaDtRIoT)



Pusat Perkhidmatan Data Raya dan IoT (PaDtRIoT) ditubuhkan pada tahun 2022 dan bertanggungjawab dalam melaksanakan inisiatif transformasi universiti ke arah pembentukan institusi pendidikan digital yang tangkas mengadaptasi teknologi dan inovasi digital baharu yang relevan, serta memanfaatkan data sebagai komponen strategik dalam pengoperasian universiti. Ini adalah selaras dengan agenda pendigitalan negara dalam mentransformasikan perkhidmatan awam menerusi pendekatan “Kerajaan Digital”. PaDtRIoT melaksanakan operasi dan inisiatif strategik menerusi tiga (3) bahagian penting iaitu Bahagian Repositori, Bahagian Analitik, dan Bahagian Apps & IoT.

Bahagian Repositori menerajui pendigitalan repositori dan rekod pentadbiran universiti untuk meningkatkan kebolehpasaran dan kecekapan pengurusan dokumen. Antara projek utama yang telah dibangunkan adalah *eThesis* yang memudahkan penyerahan digital, pengarkiban, dan pengambilan tesis dan disertasi, seterusnya memperkembangkan proses repositori akademik. Bahagian ini juga membangunkan *myMesyuarat* yang melaksanakan platform digital untuk mengatur dan menguruskan mesyuarat, meningkatkan kecekapan pentadbiran dan penyimpanan rekod.

Anugerah

20 Bitara Kesidang 2024

Bahagian Analitik pula memfokuskan kepada projek-projek yang memanfaatkan analitik data yang dapat memacu proses membuat keputusan universiti. Antara projek utama bahagian ini adalah Dashboard Analisa Tenaga CENSEi yang mampu untuk memantau dan mengoptimumkan penggunaan tenaga di seluruh kampus, Dashboard Kemajuan Pelan Strategik Universiti yang berupaya menjejak dan memvisualisasikan kemajuan pelan strategik universiti, dan memastikan keselarasan dengan matlamat jangka panjang universiti. Selain itu *Dashboard Student Profiling* pula menggunakan analitik data untuk mencipta profil terperinci pelajar, membantu dalam penasihat akademik dan perkhidmatan sokongan.

Bahagian Apps & IoT bertanggungjawab untuk membangunkan aplikasi dan penyelesaian IoT yang meningkatkan kesalinghubungan dan keselesaan komuniti universiti. Pelbagai modul terkini dimuatkan di dalam myUTeM apps untuk meningkatkan pengalaman pengguna bagi pelajar, fakulti dan kakitangan. Di samping itu, bahagian ini juga telah berjaya membangunkan Sistem Kehadiran Ibu Bapa/Graduan Majlis Konvokesyen UTeM untuk mengurus dan menjejak kehadiran di majlis konvokesyen secara digital, memastikan acara berjalan lancar dan teratur.

Selain daripada sumbangan inovasi yang meningkatkan mutu perkhidmatan universiti, staf PaDtRIoT juga turut menyumbang kepada projek Industri dan juga mendapat pengiktirafan sebagai pakar rujuk dari agensi luar. Pengarah PaDtRIoT telah dilantik sebagai ketua projek berasaskan data di industri, manakala Penyelaras PaDtRIoT telah diiktiraf sebagai Jurulatih Negara bagi modul analisis data dan Power BI untuk peserta yang mewakili Malaysia ke *WorldSkills Competition Lyon, France 2024*. Peserta Malaysia telah berjaya merangkul Medal of Excellence dalam pertandingan tersebut.

Pelantikan dan pengiktirafan daripada industri dan agensi luar ini menunjukkan keyakinan pihak luar terhadap kepakaran PaDtRIoT, sekali gus memperkukuhkan reputasi pusat ini sebagai peneraju dalam analisis data dan teknologi IoT. PaDtRIoT terus komited untuk menyumbang kepada kemajuan teknologi di UTeM dan meningkatkan daya saing melalui inovasi dan kepakaran yang dimiliki.

Calon-calon Akhir

Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEi)



Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEi) atau nama asalnya Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar (PKA) telah ditubuhkan pada 2 Mei 2014. Setelah sedekad penubuhannya, CENSEi yang kini berada di bawah Pejabat Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kelestarian Global) telah mengorak langkah dan mencapai pelbagai pengiktirafan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Bermula dengan inisiatif besar kecekapan pengurusan tenaga dan juga gerak kerja amalan hijau yang efektif, hasilnya telah memberi penjimatan kos melebihi RM13 juta kepada Universiti setelah 9 tahun pelaksanaannya. Oleh kerana itu, CENSEi yang mewakili UTeM telah menerima TIGA (3) kali pengiktirafan tertinggi Anugerah Hijau Melaka (AHM) bagi tahun 2016, 2023 dan 2024, dan memenangi anugerah di peringkat Kebangsaan *National Energy Award* (NEA) sebanyak DUA (2) kali bagi tahun 2021 dan 2024.

CENSEi menjadi pusat bertanggungjawab merealisasikan UTeM sebagai satu-satunya universiti di Asia Tenggara yang mengekalkan penarafan tertinggi 3 bintang *ASEAN Energy Management Gold Award* (EMGS) dan dalam masa yang sama telah menghasilkan bakat seramai 7 orang Penilai EMGS dan dua (2) daripadanya adalah Ketua Penilaian yang diiktiraf oleh *ASEAN Centre for Energy* (ACE) yang berpusat di Jakarta. Tambahan, kerjasama erat dan berterusan antara pihak CENSEi dengan pelbagai pihak di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri seperti *Japan International Cooperation Agency* (JICA), *Malaysia Green Technology & Climate Change Centre* (MGTC), Suruhanjaya Tenaga (ST), SEDA, SWCORP, majlis perbandaran seperti MPHTJ dan MBMB, PTHM, JPN Melaka dan pelbagai institusi dan industri yang lain telah banyak membuahkan hasil. Antaranya, adalah *Knowledge Sharing & Transformation Program* (KSTP) bagi pengurusan tenaga dan amalan hijau, penghasilan silibus pendidikan amalan hijau berasaskan pendidikan di Jepun yang pertama di Malaysia yang dilaksanakan di negeri Melaka, pelaksanaan projek perundingan pakar rujuk di dalam bidang tenaga melibatkan kos melebihi RM1.2 juta sejak penubuhan dan menjadi universiti pertama di Malaysia menerima pensijilan *Scientific Partner KNX Association Smart Home & Building* di Belgium.

Melalui cabaran kekangan kewangan bagi pengurusannya, tanpa menoleh ke belakang lagi, CENSEi sentiasa berusaha untuk memberikan komitmen yang terbaik kepada universiti, CENSEi telah meletakkan nama UTeM pada ranking ke 106 dari 1,180 penyertaan di *World University International Green Matric* (UIGM) pada tahun 2023, seterusnya menjadi antara 50 universiti baharu terbaik di peringkat Asia dalam pengamalan budaya hijau.

Di samping itu, CENSEi tidak ketinggalan dalam memanfaatkan teknologi AI terkini untuk terlibat menjayakan agenda kampus pintar bagi penghasilan produk seperti *UTeM Energy Response Monitoring System*, *Optimum Demand Respond Simulator*, *IoT Water Monitoring System*, dan Matrik Pengurusan Tenaga PTj (MaPTeP) yang menjadikan UTeM sebagai universiti pertama dalam penggunaan teknologi seumpamanya di Asia Tenggara.

Atas sumbangan dan pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh CENSEi, pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan MGTC telah memilih UTeM untuk mewakili Malaysia ke anugerah *ASEAN Energy Award* (AEA) dan UTeM telah mengharumkan nama negara dengan memenangi anugerah Pengurusan Tenaga bagi Bangunan Komersial/Industri sebanyak DUA(2) kali pada tahun 2021 dan 2024.

Dengan kekuatan staf seramai 14 orang dipimpin oleh Pengarah dan Timbalannya, Profesor Madya Dr. Musthafah Mohd Tahir dan Ts. Dr. Mohamad Fani Sulaima, berbekalkan komitmen, tekad yang tinggi, sumbangan yang besar kepada universiti dan negara, dengan pencapaian yang unggul, CENSEi dicadangkan untuk menerima Anugerah Kesidang Tun Canselor (AKTC) pada tahun 2024.



Anugerah Akademik Universiti 2023



Anugerah Akademik Universiti

Anugerah Akademik Universiti adalah pengiktirafan tertinggi oleh universiti terhadap kecemerlangan staf akademik di UTeM. Kecemerlangan dan pencapaian yang diiktiraf adalah meliputi bidang pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan, pengkomersialan dan banyak lagi. Anugerah ini juga bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan yang telah dicapai oleh staf akademik sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, anugerah ini juga diwujudkan sebagai satu aspirasi untuk staf akademik universiti meningkatkan pencapaian kecemerlangan dan sumbangan dalam mengharumkan nama universiti di peringkat yang lebih tinggi. AAU yang kini menginjak usia penganjuran ke tahun yang ke-15 telah bermula sejak 2009 dilihat menjadi pemangkin aspirasi untuk staf akademik meningkatkan pencapaian kecemerlangan dan sumbangan dalam mengharumkan nama universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dalam mengekalkan dan memperbaharui anugerah-anugerah yang dianugerahkan dalam Majlis AAU, universiti memberikan pengiktirafan kepada pelbagai bidang kecemerlangan, termasuk pengajaran, penyelidikan, inovasi dan penerbitan ilmiah. Manakala, bermula tahun 2022 anugerah bagi Anugerah Inovasi e-Pembelajaran telah ditukar kepada Anugerah Penyampaian Pengajaran Inovatif (APPI). Pewujudan Anugerah Penyampaian Pengajaran Inovatif (APPI) adalah bagi menyemarakkan dan berkongsi amalan terbaik pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan tinggi dan persekitaran akademik. Ianya juga adalah selaras dengan Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi: Rekabentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif (AKRI). Manakala, anugerah-anugerah sedia ada yang lain masih dikekalkan. Senarai anugerah-anugerah pada tahun 2023 adalah seperti berikut;

1. Anugerah Tokoh Akademik
2. Anugerah Akademik Harapan
3. Anugerah Pengajaran
4. Anugerah Penerbitan Buku
 - i. Bidang Sains Teknologi
 - ii. Bidang Sains Kemanusiaan dan Sains Sosial
5. Anugerah Penyelidikan
6. Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk
7. Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal
8. Anugerah Kualiti Makalah Jurnal
9. Anugerah Khas Kumpulan
10. Anugerah Penjanaan Pendapatan
 - i. Kategori Individu
 - ii. Kategori PTj
11. Anugerah Penyampaian Pengajaran Inovatif
 - i. Pengajaran Transformatif
 - ii. Pengalaman Pembelajaran Imersif
 - iii. Inovasi PdP TVET
12. Anugerah Khas Kumpulan (Kumpulan Penyelidikan)
13. Anugerah Khas Kumpulan (Komuniti)

Sekilas Penghargaan **Anugerah Akademik Universiti 2009-2021**



Anugerah Akademik Universiti 2009



Anugerah Akademik Universiti 2010



Anugerah Akademik Universiti 2011



Anugerah Akademik Universiti 2012



Anugerah Akademik Universiti 2013



Anugerah Akademik Universiti 2014



Anugerah Akademik Universiti 2015



Anugerah Akademik Universiti 2016



Anugerah Akademik Universiti 2017



Anugerah Akademik Universiti 2018



Anugerah Akademik Universiti 2019



Anugerah Akademik Universiti 2020




Anugerah Akademik Universiti 2021



Anugerah Akademik Universiti 2022

Anugerah Tokoh Akademik



Anugerah Tokoh Akademik UTeM adalah satu pengiktirafan yang berprestij. Penghormatan ini diberi kepada individu yang bergelar Profesor yang telah berjaya mencapai tahap kecemerlangan yang sangat tinggi dalam dunia akademik dan telah memberikan sumbangan yang besar kepada universiti dan masyarakat secara keseluruhannya.

Anugerah ini dipertimbangkan bagi calon yang telah menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.

Calon hendaklah telah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti awam tempatan selama sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dalam kerjaya akademik. Calon juga haruslah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik, seorang yang komited serta terlibat secara menyeluruh dalam proses penemuan dan penerokaan ilmu.

Pemberian Anugerah ini adalah berdasarkan kepada Jawatankuasa Pencarian Tokoh Akademik yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).



Anugerah Akademik Harapan

Anugerah Akademik Harapan bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf akademik muda yang berkemampuan dan berkaliber. Penerima Anugerah Akademik Harapan ialah seorang staf yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dan menyumbang kepada penemuan serta pembangunan ilmu. Selain itu, anugerah ini diharap dapat memberikan dorongan kepada staf akademik muda lain untuk terus berusaha mencapai tahap kecemerlangan dan berperanan penting dalam perkembangan universiti dan negara.

Untuk anugerah ini, calon mesti berumur 38 tahun dan ke bawah pada 1 Januari 2023 dan telah berkhidmat sebagai staf akademik di UTeM selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun secara kumulatif. Calon mestilah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik, bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara holistik dan membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Kriteria Penilaian:

- Pengajaran dan Penyeliaan
- Penulisan dan Penerbitan
- Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan
- Perundingan
- Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat

Calon-Calon Akhir Anugerah:

- i. Ts. Dr. Mohamad Hafidzal Mohd Hanafi
- ii. Dr. Ridhwan Jumaidin
- iii. Ts. Dr. Mohamad Fani Sulaima
- iv. Ts. Dr. Muhammad Idzdihar Idris
- v. Ts. Dr. Faiz Arith

Anugerah

TS. DR. MOHAMAD HAFIDZAL MOHD HANAFI
FAKULTI TEKNOLOGI DAN
KEJURUTERAAN MEKANIKAL



Ts. Dr. Mohd Hafidzal Mohd Hanafi telah memulakan kerjayanya sebagai Tutor di UTeM selepas tamat pengajian Ijazah di Fukui Universiti, Jepun pada tahun 2010. Beliau melanjutkan pelajaran Sarjana di UKM dan PhD di Tohoku Universiti, Jepun. Beliau meneruskan kerjayanya sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal atau sekarang digelar Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM). Selain bertugas sebagai Pensyarah Kanan FTKM, beliau juga berkhidmat di Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM Melaka sebagai Penyelaras Komuniti/ Edu Pelancongan.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam bidang Termodinamik dan *Advanced Heat Transfer*. Beliau juga turut mengajar subjek bahasa ketiga iaitu bahasa Jepun kepada pelajar-pelajar UTeM.

Beliau juga telah menyelia lebih dari 20 pelajar Projek Sarjana Muda dan Projek Diploma. Ketika ini, beliau sedang menyelia dua (2) pelajar Sarjana Secara Penyelidikan. Pada tahun ini, beliau juga telah menerima sijil kompetensi "*Certified Energy Manager*".

Beliau juga turut aktif dalam menyertai pertandingan inovasi seperti Jejak Inovasi, *Research and Innovation Symposium Competition* (RISE), *Invention, Innovation, Technology, Competition & Exhibition* (ITEX), *Malaysia Technology Expo* (MTE) dan menyumbang pingat Emas serta Perak untuk UTeM.

Beliau aktif dalam dunia penyelidikan dan menerima geran sebagai Penyelidik Utama untuk geran PJP High Impact dan FRGS. Selain itu, beliau turut aktif dalam program komuniti berimpak tinggi seperti Program UniMadani, Santuni Madani dan Kampung Angkat Madani UTeM.



DR. RIDHWAN JUMAIDIN

FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN INDUSTRI
DAN PEMBUATAN

Dr. Ridhwan Jumaidin memulakan kerjaya akademik di UTeM sebagai Tutor pada tahun 2009 dan kini sebagai Pensyarah Kanan sejak tahun 2017. Sepanjang perkhidmatan, beliau terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar pra siswazah dan pascasiswazah. Dari segi penyeliaan pelajar pascasiswazah, beliau telah menyelia seorang pelajar Sarjana dan seorang pelajar PhD dengan jayanya dan kini sedang menyelia tiga (3) pelajar PhD sebagai Penyelia Utama dan seorang pelajar Sarjana.

Dari segi penulisan dan penerbitan beliau telah menerbitkan lebih daripada 130 penulisan dalam pelbagai bentuk penerbitan seperti Jurnal berimpak tinggi Q1 dan Q2, Jurnal berindeks WoS dan Scopus, Bab dalam buku, dan prosiding antarabangsa. Beliau juga telah menerbitkan sebuah buku melalui penerbit antarabangsa Taylor and Francis dalam bidang bio-komposit. Jumlah rujukan terkini bagi penerbitan telah melebihi 3,397 sitasi dengan nilai H-index 29 dari Google Scholar dan H-index 22 dari Scopus. Sehingga kini beliau telah menerima empat (4) Geran Sanjungan Penerbitan Jurnal untuk tahun 2018, 2019, 2021, 2022, dan 2023. Beliau juga merupakan penilai artikel bagi jurnal WoS dan Scopus, dan telah menilai lebih dari 120 artikel jurnal.

Dari segi penyelidikan, beliau terlibat dalam pelbagai jenis geran seperti FRGS-RACER, FRGS, Geran Industri, Geran Collaborative Research, Geran Penyelidikan Jangka Pendek, Geran Penyelidikan Jangka Pendek Prototaip, Geran Antarabangsa, Geran PPRN, dan Geran Penyelidikan Pendek Berimpak tinggi sebagai penyelidik utama dan penyelidik bersama dengan jumlah keseluruhan geran bernilai lebih dari RM 1.5 juta.

Beliau juga telah menghasilkan produk penyelidikan yang berjaya merangkul pelbagai anugerah seperti pingat Emas di Malaysia Technology Expo, pingat Emas di ITEX, pingat emas di PECIPTA dan juga Outstanding Innovation Award di Malaysia Technology Expo. Secara keseluruhan beliau telah menerima lebih dari 20 pingat dan 4 hak cipta telah berjaya difailkan bagi produk-produk yang dihasilkan. Beliau juga pernah menyandang beberapa jawatan pentadbiran seperti Penyelaras Program, Ketua Jabatan, dan terkini sebagai Timbalan Pengarah 2 di Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik.

Beliau juga terlibat secara aktif dalam aktiviti bersama masyarakat di peringkat kebangsaan dan pernah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Persatuan Pembangunan Industri dan Enau Malaysia. Dari segi pengiktirafan antarabangsa, beliau telah disenaraikan sebagai *World Top 2% Scientist* oleh Elsevier BV, Stanford Universiti untuk tahun 2021, 2022, dan 2023.

Anugerah
Bitara Kesidang 2024

TS. DR. MOHAMAD FANI SULAIMA
FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK



Ts. Dr. Mohamad Fani Sulaima telah memulakan kerjayanya di UTeM sebagai Tutor, Pensyarah dan Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik pada tahun 2010, 2013 dan 2016. Beliau telah menerima pensijilan profesional dalam bidang pengurusan tenaga pada tahun 2015, dan telah dilantik menjadi Pengurus dan Ketua Bahagian Tenaga pertama universiti di Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar pada tahun 2016. Dengan kredibiliti kepimpinan yang dimiliki, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah di Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEi) bermula dari tahun 2022 sehingga sekarang. Beliau merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran Kejuruteraan Elektrik (*Energy Demand Side Management*) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan telah menerima anugerah Best Research Award sempena Majlis Konvokesyen UiTM ke-92. Sepanjang keterlibatan beliau dalam bidang pengurusan tenaga, beliau telah dilantik sebagai pakar rujuk oleh Akademi Sains Malaysia bagi projek khas *Malaysia Toward Net Zero Emission 2050* yang diguna pakai sebagai salah satu rujukan penting kepada *National Energy Transition Roadmap (NETR)* dan dilantik menjadi Ketua Penilai oleh ASEAN Centre for Energy (ACE) dan *Malaysia Green Technology Cooperation (MGTC)* bagi program pensijilan AEMAS dirantau Asia Tenggara.

Di dalam bidang pengajaran dan penyeliaan, beliau telah menjadi pencetus kepada mata pelajaran yang mendapat pensijilan profesional daripada Suruhanjaya Tenaga sejak tahun 2017 dan menjadi pengajar kepada mata pelajaran Pemikiran Kritis dan Kreatif secara sukarela untuk membantu ramai pelajar. Beliau sekarang sedang menyelia 8 orang pelajar pascasiswazah dengan seramai 3 orang telah bergraduasi sehingga kini, dan beliau juga telah menyelia lebih dari 25 orang pelajar Projek Sarjana Muda dengan jayanya. Bidang penyelidikan, penerbitan dan perundingan telah menjadi sebatik dalam jiwa akademik beliau, sehingga kini beliau telah menerima lebih 20 geran penyelidikan di pelbagai peringkat sebagai Penyelidik Utama mahupun bersama, dengan nilai berjumlah RM 1,000,000. Terkini, beliau telah menerbitkan lebih daripada 100 kertas jurnal dan prosiding di Scopus dengan jumlah H-Index adalah 13. Dengan kemahiran teknikal dan pengalaman selama lebih 10 tahun di dalam bidang tenaga, beliau telah dianugerahkan projek perundingan oleh pelbagai agensi dan industri dengan nilai keterlibatan keseluruhan semasa dianggarkan melebihi RM 1,500,000 sehingga kini, antara projek yang dijalankan juga telah banyak memberi impak kepada Majlis Perbandaran Teknologi Hijau di negeri Melaka.

Di atas usaha beliau yang bersungguh-sungguh ingin membantu universiti menjadi yang terunggul, ketokohan beliau telah membawa UTeM dianugerahkan pencapaian tertinggi ASEAN *Energy Management Scheme*, memenangi *National Energy Award* dan *ASEAN Energy Award* pada tahun 2021. Beliau juga telah memenangi lebih 17 pingat emas dan anugerah khas produk inovasi dipelbagai peringkat pertandingan. Pada tahun 2022, atas jasa dan kerja keras, beliau telah terpilih untuk menerima Anugerah Pekerja Cemerlang (APC).



TS. DR. FAIZ ARITH

**FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
DAN KOMPUTER**

Ts. Dr. Faiz Arith telah dianugerahkan Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik daripada University of Fukui, Jepun pada 2010 di bawah tajaan penuh JPA. Projek tahun akhir beliau adalah berkaitan *Nano Quantum Electronics* di bawah seliaan Profesor Dr. Toshio Katsuyama yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Penyelidik di *Central Research Laboratory*, Hitachi Ltd., Tokyo, Japan. Kemudian, pada 2012 beliau telah menamatkan pengajian Sarjana Mikroelektronik di UKM di bawah bimbingan Profesor Dr. Nowshad Amin, yang merupakan

Distinguished Lecturer daripada IEEE Electron Devices Society. Seterusnya beliau telah melanjutkan pengajian ke peringkat PhD di Newcastle University, United Kingdom. Kajian beliau adalah berkaitan *Silicon Carbide MOSFETs* di bawah geran tajaan *Engineering and Physical Sciences Research Council* (EPSRC), United Kingdom bernilai £1,977,582. Projek kajian beliau diselia oleh Profesor Dr. Anthony O'Neill, yang berpendidikan dari Massachusetts Institute of Technology (MIT), USA. Hasil kajian PhD beliau adalah sangat membanggakan dengan merekodkan *Electron Mobility in SiC MOSFETs* antara yang tertinggi di dunia dan telah diterbitkan di jurnal terkemuka, IEEE *Electron Device Letters*. Pada 2018, tesis beliau telah dianugerahkan penghargaan tertinggi daripada panel penilai, iaitu Profesor Dr. Florin Udrea daripada University of Cambridge, UK. Semasa tempoh pengajian di UK, beliau telah terlibat dengan pelbagai kursus, pensijilan dan keselamatan berkaitan *Semiconductor Device Fabrication in Cleanroom* di serata UK. Setelah tamat pengajian, beliau telah kembali berkhidmat di UTeM sebagai Pensyarah Kanan. Pada 2020 beliau telah dilantik sebagai ketua *Micro and Nano Electronics (MiNE) Research Group* dalam menerajui penubuhan makmal penyelidikan berpaksikan Semiconductor Devices di UTeM. Dalam usaha merancakkan program akademik di UTeM beliau telah berusaha mempromosikan program pesisir, dan pada 2022, FTKEK telah berjaya menghidupkan kembali program tersebut dan beliau telah dilantik sebagai Ketua Program Pesisir Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik). Dengan kredibiliti kepimpinan yang dimiliki, beliau telah dilantik sebagai Ketua Program Sarjana Penyelidikan pada 2023.


Dari sudut akademik, beliau telah terlibat aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam bidang Semiconductor Devices. Buat masa ini, beliau sedang menyelia empat (4) pelajar PhD dan tiga (3) pelajar Sarjana Penyelidikan sebagai Penyelia Utama. Dalam pada itu, beliau telah berjaya menggraduatkan empat (4) orang pelajar Sarjana Penyelidikan juga sebagai Penyelia Utama.

Anugerah

36 Bitara Kesidang 2024

Dalam pada itu, beliau adalah Penyelia Bersama untuk dua (2) pelajar PhD dan lima (5) pelajar Sarjana Penyelidikan. Hasil usaha yang berterusan, beliau telah memperolehi Sijil Penghargaan untuk Anugerah Penghasilan Makalah pada Anugerah Akademik Universiti (AAU) untuk tahun 2022 dan juga dua (2) kali Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu pada tahun 2013 dan 2021. Dengan menganggap penyelidikan sebagai denyut nadi Pensyarah, beliau telah mencurahkan keringat dengan bersungguh-sungguh. Lebih daripada 20 geran penyelidikan dengan jumlah nilai RM 4,035,579 telah berjaya diperolehi sebagai penyelidik. Daripada jumlah tersebut, 3 geran adalah daripada pihak antarabangsa iaitu Semiconductor Components Industries LLC (USA) dan Royal Society of Chemistry (UK) yang mana beliau adalah sebagai Ketua Penyelidik.

Anugerah Pengajaran



Anugerah Pengajaran bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada staf akademik yang telah melaksanakan tanggungjawab pengajaran dan bimbingan pelajar dengan penuh dedikasi, komited, dan sempurna selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun, untuk menghasilkan siswazah yang berkualiti tinggi.

Pengajaran dalam konteks ini didefinisikan sebagai aktiviti kreatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar.

Penilaian calon bagi anugerah pengajaran adalah berdasarkan kepada elemen inovasi dan keserjanaan dalam kriteria berikut :

- **Falsafah pengajaran**
- **Pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengajaran**
- **Persediaan pengajaran**
- **Kaedah pengajaran**
- **Kaedah penilaian hasil pembelajaran**
- **Bimbingan dan penyeliaan**

Calon Akhir Anugerah:

I. Profesor Madya Dr. Nurulfajar Abd Manap



PROFESOR MADYA DR. NURULFAJAR ABD MANAP
FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN
ELEKTRONIK DAN KOMPUTER

Profesor Madya Dr. Nurulfajar Abd Manap telah memulakan karier akademik di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sejak tahun 2002. Dengan pengalaman lebih 20 tahun, beliau telah memberikan dedikasi yang tinggi dalam dunia akademik dengan memperkasakan amalan pendidikan melalui integrasi teknologi secara inovatif. Beliau sentiasa berpegang pada prinsip bahawa pendidikan melalui perkongsian ilmu adalah aset yang berkekalan, seiring dengan hadis Rasulullah SAW. Bagi beliau, pendidikan bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi juga dapat memberikan nilai, budi, inspirasi dan impak yang berkekalan kepada para pelajar.

Dengan falsafah ini, beliau sentiasa berusaha memacu inovasi dalam pengajaran dengan mencipta pengalaman pembelajaran yang bermakna dan memastikan bahawa ilmu yang disampaikan terus bermanfaat kepada generasi mendatang.

Beliau telah memperkenalkan TUAH (Tangkas, Unggul, Adaptif, Holistik) sebagai satu legasi di UTeM dalam membentuk citra mahasiswa yang unik, berketerampilan, kompeten dan berkeperibadian yang unggul. Selaras dengan itu, TUAH Index diperkenalkan sebagai sistem pengukuran kompetensi pelajar bagi memastikan pengalaman pendidikan di Universiti yang seimbang dan menyeluruh serta melangkaui pencapaian akademik semata-mata.

Inisiatif inovasi pengajaran beliau diteruskan dengan memperkenalkan Kerangka *Build, Empower, Amplify, Mentor* (BEAM) dan TUAH Digital Portfolio. Ianya telah mentakrifkan semula suasana pengajaran dan pembelajaran agar lebih dinamik dan menarik dengan penggunaan teknologi seperti AR, VR, video, animasi dan media interaktif, selaras dengan *personalized and long-life learning*. Dengan pendekatan yang berpusatkan pelajar, BEAM menekankan pembinaan asas yang kukuh, pembelajaran aktif, mengoptimumkan penggunaan teknologi serta bimbingan berterusan. Pendekatan ini memastikan pelajar bukan sahaja menguasai ilmu teknikal tetapi juga mengembangkan kemahiran abad ke-21 seperti kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan literasi digital. Dr. Nurulfajar telah mencapai tahap kecemerlangan dalam penilaian pengajaran secara konsisten untuk sepuluh (10) semester berturut-turut, membuktikan tahap kepuasan pelajar terhadap pendekatan pengajaran beliau.

Kepakaran beliau di dalam bidang pengajaran teknologi masa hadapan ini sering menjadi rujukan dan mendapat jemputan dari dalam dan luar negara. Antara pengiktirafan yang diterima adalah seperti *Apple Distinguished Educator* (ADE), *Apple Professional Learning Specialist* (APLS), pakar rujuk kolaborasi Corak Malaysia dan Gahara Galore Sdn. Bhd., Penyelaras Modul Pembangunan Digital & Teknologi Kepimpinan Mahasiswa bersama KPT, Jurulatih Professional Apple SwiftUI Academy, jemputan penceramah di Singapore, Indonesia dan lain-lain lagi.

Dengan komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap pendidikan, Dr. Nurulfajar telah membuktikan bahawa pengajaran yang kreatif dan empati dapat memberi inspirasi dan nilai yang utuh kepada pelajar. Melalui pendekatan inovatif seperti TUAH dan BEAM, beliau telah membuka ruang kepada pembelajaran yang lebih bermakna dan lestari, menjadikan para pelajar memiliki keupayaan untuk meneroka, mencipta dan bersedia untuk memimpin dunia yang semakin mencabar. Beliau terus komited dalam memperkasakan pelajar, selaras dengan motonya *Empowering Future Innovators Through Technology and Holistic Education*.

Anugerah Penerbitan Buku



Anugerah ini diberikan untuk buku karya asli terbitan ilmiah oleh Penerbit UTeM ATAU anggota MAPIM. Manakala, buku ilmiah iaitu karya asli atau monograf cetakan edisi pertama dan tidak termasuk Buku Teks, Modul dan Manual.

Karya ilmiah meliputi buku yang dihasilkan berasaskan penyelidikan dan kajian yang distrukturkan mengikut bentuk formal dan mematuhi piawai penerbitan Ilmiah. Karya ilmiah yang dihasilkan mesti memenuhi dan mematuhi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, khususnya Subseksyen 11(1) dan mana-mana akta yang berkaitan.

Setiap karya yang dicalonkan mesti juga mematuhi gaya penerbitan masing-masing secara tekal (Konsisten) mengikut gaya Penerbitan Ilmiah UTeM atau Ahli MAPIM.

Kriteria Penilaian:

- Isi kandungan
- Impak ilmiah
- Gagasan
- Anatomi dan reka bentuk buku

Calon-Calun Akhir Anugerah:

- i. Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Shajahan Maidin
- ii. Profesor Madya Ts. Dr. Mohammed Hariri Bakri
- iii. Ts. Dr. Norrezam Yusop



PROFESOR MADYA IR. TS. DR. SHAJAHAN MAIDIN
Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan

Tajuk Buku:
**ADDITIVE MANUFACTURED BODY ARMOUR DESIGN
FEATURES FOR STAB RESISTANT**

Penulis Bersama:
TING KUNG HIENG
PROFESOR IR DR. HAMBALI AREP @ ARIFF

SINOPSIS BUKU:

Buku ini membincangkan reka bentuk dan pembuatan lima (5) jenis perisai sisik imbrikat untuk aplikasi tahan tikaman yang ringan, bertujuan memenuhi tahap rintangan pisau (KR) tahap satu mengikut piawaian perisai badan tahan tikaman HOSDB, dengan tenaga hentaman 24 Joule. Sampel ujian perisai sisik imbrikat ini dihasilkan menggunakan mesin Stratasys Fortus 400mc, dengan dua (2) jenis bahan filamen utama iaitu ABS-M30 dan PC-ABS. Bilah pisau ujian dibuat mengikut piawaian antarabangsa dan dipasang dengan selamat pada Menara Hentaman Jatuh Instron CEAST 9340 untuk menguji spesimen melalui ujian hentaman. Sebelum ujian tikaman dijalankan, kajian simulasi awal dilakukan menggunakan perisian ANSYS untuk menganalisis prestasi rintangan tikaman bahan-bahan tersebut.



PROFESOR MADYA IR. TS. DR. SHAJAHAN MAIDIN
Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan

Tajuk Buku:

**VACUUM SYSTEM INTEGRATED ADDITIVE
MANUFACTURING, A NEW APPROACH TO IMPROVE
3D PRINTED PARTS TENSILE STRENGTH**

Penulis Bersama:

JOHN WONG HUANG UNG

SINOPSIS BUKU:

Buku ini meneroka pendekatan baharu dalam teknologi *Fused Deposition Modeling* (FDM) dengan integrasi sistem vakum untuk meningkatkan kekuatan tegangan bahagian cetakan 3D. Teknologi FDM, walaupun popular dalam pelbagai industri seperti aeroangkasa dan perubatan, mempunyai batasan kekuatan mekanikal yang rendah akibat ikatan lapisan yang lemah, terutama pada paksi z. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan persekitaran vakum dapat memperbaiki masalah ini dengan mengurangkan pemindahan haba konvektif, yang meningkatkan ikatan antara lapisan. Melalui eksperimen yang melibatkan 60 spesimen cetakan dengan parameter ketebalan lapisan dan tekanan vakum, didapati bahawa kekuatan tegangan meningkat sebanyak 16.77% apabila vakum digunakan. Penggunaan mikroskop elektron imbasan (SEM) menunjukkan bahawa ikatan dalam keadaan vakum lebih kuat dan lebih baik berbanding keadaan biasa. Penyelidikan ini mengesahkan bahawa teknologi vakum boleh meningkatkan prestasi mekanikal cetakan FDM dan menawarkan potensi untuk mencipta bahagian-bahagian yang lebih kuat dalam pelbagai aplikasi masa hadapan.



PROFESOR MADYA IR. TS. DR. SHAJAHAN MAIDIN
Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan

Tajuk Buku:

**ULTRASONIC ASSISTED 3D PRINTING OF RECYCLED
ACRYLONITRILE BUTADIENE STYRENE (ABS)**

Penulis Bersama:

TING KUNG HIENG

PROFESOR IR DR. HAMBALI AREP @ ARIFF

SINOPSIS BUKU:

Buku ini membincangkan peningkatan sifat mekanikal polimer kitar semula *Acrylonitrile Butadiene Styrene* (ABS) melalui penggunaan getaran ultrasonik dalam proses pencetakan *Fused Deposition Modeling* (FDM). Proses FDM menghasilkan banyak sisa akibat kesilapan cetakan dan manusia, yang memberi kesan negatif terhadap alam sekitar kerana sifat polimernya yang tidak terbiodegradasi. Oleh itu, kajian ini menumpukan pada memperbaiki kelemahan pengikatan antara lapisan dalam polimer kitar semula, yang menyebabkan penurunan sifat mekanikal. Dalam kajian ini, sisa ABS dikitar semula menjadi filamen baharu yang digunakan untuk mencetak spesimen ujian. Getaran ultrasonik dihantar melalui transduser piezoelektrik yang dipasang pada platform pencetak FDM. Frekuensi ultrasonik dikawal pada 0 kHz, 10 kHz, dan 20 kHz, dengan spesimen dicetak pada tiga orientasi berbeza: tepi (X), rata (Y), dan tegak (Z). Ujian tegangan dan analisis mikrostruktur dijalankan untuk menilai sifat mekanikal spesimen ABS kitar semula pada pelbagai frekuensi ultrasonik dan orientasi. Keputusan menunjukkan peningkatan dalam Kekuatan Tegangan Tertinggi (UTS) sebanyak 11.03% hingga 67.61%, peningkatan regangan sebanyak 1.30% hingga 45.83%, dan peningkatan Modulus Keanjalan (MOE) sebanyak 15.24% hingga 24.10%. Analisis mikrostruktur juga menunjukkan pengurangan jumlah dan saiz liang dengan peningkatan frekuensi ultrasonik hingga 20 kHz. Hasil analisis ANOVA menunjukkan bahawa frekuensi ultrasonik dan orientasi mempunyai kesan signifikan terhadap peningkatan UTS, regangan, dan MOE, dengan parameter optimum ialah 20 kHz dan orientasi Y. Oleh itu, melalui kaedah FDM berasaskan ultrasonik, sifat mekanikal ABS kitar semula dapat ditingkatkan tanpa memerlukan proses pasca-cetakan tambahan.

Anugerah

44 Bitara Kesidang 2024



PROFESOR MADYA TS. DR. MOHAMMED HARIRI BAKRI

Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

Tajuk Buku:

**BUILDING THE NATION THROUGH EFFICIENCY OF
WAQAF INSTITUTIONS**

Penulis Bersama:

AZRIZAL BIN HUSIN

SHAFINAR BINTI ISMAIL

SINOPSIS BUKU:

Buku ini terdiri daripada enam (6) bab yang membincangkan kecekapan Institusi Waqf di Malaysia. Bab pertama memberikan gambaran umum mengenai Waqf, termasuk jenis-jenis Waqf, syarat untuk penubuhan Waqf yang sah, serta ciri-ciri unik Waqf. Bab kedua menumpukan pada Mutawalli, yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran Waqf. Dalam bab ini, perspektif sejarah Waqf, pengurusan Waqf di Malaysia, serta perbezaan utama antara Waqf dan Endowmen turut dibincangkan. Bab ketiga mempersembahkan teori dan pendekatan dalam bidang kecekapan yang fokus kepada institusi Waqf. Sementara itu, bab keempat menggariskan kecekapan institusi awam, institusi kewangan, dan amal Islam, dengan tujuan memberikan gambaran tentang peranan penting yang dimainkan oleh institusi-institusi ini dalam memajukan sektor Waqf. Bab kelima tertumpu pada analisis kecekapan institusi Waqf, meliputi metodologi, sumber data, dan cara pengukuran kecekapan. Bab terakhir buku ini menyediakan analisis statistik yang bermakna, perbincangan mengenai penentu kecekapan institusi Waqf, serta cadangan untuk memperbaiki Institusi Waqf di Malaysia. Buku ini memberikan kesimpulan yang bermakna berkaitan dengan topik keseluruhan yang dibincangkan, memberi panduan dan pemahaman kepada pembaca tentang pentingnya institusi Waqf dalam konteks pembangunan sosial dan ekonomi di Malaysia.



PROFESOR MADYA TS. DR. MOHAMMED HARIRI BAKRI
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

Tajuk Buku:
**ISLAMIC WEALTH PLANNING & MANAGEMENT:
THE PRACTICE OF PERSONAL FINANCE**

Penulis Bersama:
**ROSALAN ALI
ISMAL AHMAD**

SINOPSIS BUKU:

Buku ini, yang terdiri daripada 20 bab, membincangkan pengurusan kewangan peribadi dengan aplikasi prinsip syariah dan merupakan buku teks pertama di dunia bertajuk “Perancangan & Pengurusan Kekayaan Islam: Amalan Kewangan Peribadi.” Ia sesuai bukan sahaja untuk pelajar Sarjana Muda dan pasca siswazah yang mempelajari kewangan peribadi di seluruh dunia, tetapi juga untuk masyarakat umum yang ingin memahami cara mengurus kewangan peribadi mereka, dengan merujuk kepada Malaysia sebagai salah satu pelopor dalam kewangan Islam. Dalam konteks perancangan dan pengurusan kekayaan Islam, buku ini menggariskan bahawa aplikasi prinsip syariah dipandu oleh al-Quran dan hadis, menekankan bahawa walaupun aset dapat dicipta dan kekayaan boleh dikumpulkan, ia mesti didistribusikan dengan adil kepada golongan yang memerlukan. Penulis barat, Nunn (2019), mengakui kepentingan kekayaan Islam dalam kertas kerjanya dan meramalkan bahawa industri kewangan Islam dan pengurusan kekayaan di Malaysia akan terus berkembang, dengan penekanan kepada *onshore* berbanding *offshore* di seluruh Asia.

Buku ini membincangkan cabaran dan peluang dalam pengurusan kekayaan peribadi di Asia, dengan penekanan kepada potensi pasaran kewangan Islam yang dapat diterokai oleh negara seperti China. Struktur dan isu-isu regulatori mengenai perancangan kekayaan Islam juga diteliti, menjadikan Malaysia pusat pengurusan kekayaan Islam di rantau ini dan di dunia. Buku ini bertujuan untuk membimbing pelabur individu dalam mencipta, mengumpul, membelanjakan, memelihara, dan menyucikan aset mereka dengan perancangan kewangan peribadi yang sesuai dalam pasaran kewangan, hartanah, dan komoditi dengan pengurusan risiko yang mematuhi prinsip syariah. Ciri-ciri utama buku ini termasuk penulisan dalam bahasa yang mudah, dengan contoh dan huraian grafik, hasil pembelajaran yang dinyatakan di awal setiap bab, serta ringkasan penting di akhir setiap bab. Kamus istilah kewangan Islam disediakan untuk definisi cepat, dan kajian kes terkini disertakan di akhir bab tertentu untuk membolehkan pelajar mempraktikkan prinsip syariah dalam perancangan dan pengurusan kekayaan Islam.

Anugerah

46 Bitara Kesidang 2024



TS. DR. NOORREZAM YUSOP

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Tajuk Buku:

**KEPENTINGAN KEPERLUAN
KESELAMATAN DALAM
PEMBANGUNAN PERISIAN**


Penulis Bersama:

**PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA
BINTI KAMALRUDIN**

SINOPSIS BUKU:

Kualiti keperluan keselamatan dalam pembangunan perisian amat penting untuk meningkatkan keyakinan pengguna menggunakan perisian bagi melakukan transaksi dalam talian seperti perbankan, penempahan dan pembayaran dalam talian. Kelemahan keselamatan merupakan isu utama yang menyumbang kepada penggunaan teknologi dalam talian yang tidak selamat. Apabila terdapat kelemahan keselamatan, aplikasi tersebut mudah terdedah dan digodam oleh penggodam yang tidak bertanggungjawab, yang sekali gus memungkinan berlakunya pemecahan terhadap data dan perisian yang boleh membahayakan pengguna. Oleh itu, buku ini memberikan pendedahan kepada pembaca mengenai kepentingan keperluan keselamatan dalam membangunkan perisian. Bermula dengan penerangan mengenai isu dan trend semasa terhadap keperluan keselamatan dalam era Revolusi Industri 4.0 dan transformasi ke arah digital ekonomi, buku ini menerangkan tentang atribut dan ancaman dalam keperluan keselamatan. Pembaca juga berpeluang untuk memahami proses dalam kejuruteraan keperluan keselamatan dan peralatan dalam keperluan keselamatan. Selain itu, MobiMEReq, aplikasi yang membantu mengesahkan keperluan pengguna untuk pembangunan aplikasi telefon juga diperkenalkan. Buku ini bermanfaat kepada pelajar, penyelidik, pendidik dan pengamal kejuruteraan perisian yang ingin mengetahui pengesahsahitan keperluan perisian keselamatan.

Anugerah Penyelidikan




Anugerah Penyelidikan ini merupakan satu inisiatif yang memfokuskan pengiktirafan kepada staf akademik yang telah berjaya menghasilkan penyelidikan yang bertujuan untuk penemuan ilmu dan mendorong pengembangan ilmu. Anugerah ini juga mempunyai matlamat untuk merangsang lebih banyak inovasi hasil penyelidikan dalam kalangan staf akademik di UTeM. Dengan memberi pengiktirafan kepada pencapaian penyelidikan yang cemerlang, ia mungkin akan memberi dorongan kepada staf akademik untuk terus berusaha mencapai keunggulan dalam bidang penyelidikan dan menghasilkan inovasi yang bermanfaat dalam penemuan ilmu.

Kriteria Penilaian :

- Geran Penyelidikan
- Hasil Penyelidikan
- Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah Mod Penyelidikan
- Pengiktirafan dan Rujukan
- Anugerah

**Calon Akhir Anugerah:
TIADA CALON AKHIR**

Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk



Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk merangkumi produk berasaskan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan dan mencapai tahap pengkomersialan, memberi impak dari segi penjana ilmu ke arah peningkatan kualiti hidup, pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi negara. Produk penyelidikan boleh merupakan reka bentuk, reka cipta, inovasi, teknologi, perisian atau proses.

Kriteria Penilaian :

- Mendapat perlindungan harta intelek (granted)
- Produk telah dikomersialkan (berada di pasaran)
- Memberi impak kepada pembangunan modal insan serta mendapat pengiktirafan oleh pengguna melalui publisiti (liputan media)
- Penglibatan calon dalam mengkomersialkan produk berkenaan

Calon Akhir Anugerah:

- Ir. Ts. Dr. Anuar Mohamed Kasim**



IR. TS. DR. ANUAR MOHAMED KASIM
FAKULTI TEKNOLOGI DAN
KEJURUTERAAN ELEKTRIK

STATUS PERLINDUNGAN HARTA INTELEK	PENCAPAIAN
(i) Paten	6
(ii) Hak Cipta	10
PINGAT INOVASI (ANTARABANGSA)	
(i) Emas	7
(ii) Perak	1
PINGAT INOVASI (KEBANGSAAN)	
(i) Emas	1
(ii) Perak	4
(iii) Gangsa	1
ANUGERAH KHAS	
Pameran/Petandingan	2
PENJUALAN IP	
Outright	1
PENJANAAN HASIL PENGKOMERSIALAN	
Produk	1
IMPAK	
(i) Pembangunan Modal Insan (Telah Bergraduat)	3
(ii) Publisiti	2
PENGLIBATAN & PERANAN DALAM PENGKOMERSIALAN	
(i) Syarikat Terbitan Universiti	1
(ii) Peranan Dalam Pengurusan	1

Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal



Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal bertujuan memberikan pengiktirafan kepada staf akademik yang telah berjaya menghasilkan makalah jurnal, terutamanya penerbitan yang mendukung bidang tumpuan Universiti. Ia merupakan satu cara untuk memotivasi staf akademik untuk menyumbang penulisan dan penyebaran ilmu dalam bidang yang relevan dengan Universiti.

Kriteria Penilaian :

- Mematuhi etika penerbitan.
- Pernyataan affiliasi dengan UTeM dan pernyataan penghargaan penggunaan dana yang diperolehi.
- Kertas kerja untuk prosiding dan semasa persidangan tidak diambil kira dalam penerbitan jurnal.
- Prosiding yang diiktiraf sebagai jurnal, adalah dibawah kategori C (jurnal berindeks selain daripada ISI dan SCOPUS).
- Sekiranya terdapat jumlah markah yang sama, jumlah markah jurnal berimpak diambil kira.

Calon-Calon Akhir Anugerah:

- i. Profesor Madya Ts. Dr. Mohammed Hariri Bakri
- ii. Dr. Najiyah Safwa Khashi'ie
- iii. Dr. Nurul Amira Zainal
- iv. Dr. Iskandar Waini
- v. Dr. Ahmed Jamal Abdullah Al- Gburi



PROFESOR MADYA TS. DR. MOHAMMED HARIRI BAKRI
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis Utama (Main Author)	1
(ii) Penulis Bersama (Co-Author)	1
JURNAL BERINDEKS SCOPUS / WOK	
(i) Penulis Utama (Main Author)	1
(ii) Penulis Bersama (Co-Author)	6
JURNAL BERINDEKS SELAIN DARIPADA ISI SCOPUS	
(i) Penulis Utama (Main Author)	1
(ii) Penulis Bersama (Co-Author)	1
JURNAL TIDAK BERINDEKS	
(i) Penulis Utama (Main Author)	1
(ii) Penulis Bersama (Co-Author)	1
(iii) Penulis Koresponden (Corresponding Author)	1



DR. NAJIYAH SAFWA KHASHI'IE
FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis Utama (Main Author)	3
(ii) Penulis Bersama (Co-Author)	6
(iii) Penulis Koresponden (Corresponding Author)	2
JURNAL BERINDEKS SCOPUS / WOK	
(i) Penulis Utama (Main Author)	1
(ii) Penulis Bersama (Co-Author)	6
(iii) Penulis Koresponden (Corresponding Author)	2



DR. NURUL AMIRA ZAINAL
 FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis Bersama (Co-Author)	3
(ii) Penulis Koresponden (Corresponding Author)	2
JURNAL BERINDEKS SCOPUS / WOK	
(i) Penulis Utama (Main Author)	1
(ii) Penulis Bersama (Co-Author)	4
(iii) Penulis Koresponden (Corresponding Author)	3



DR. ISKANDAR WAINI

FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN INDUSTRI DAN PEMBUATAN

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis Bersama (Co-Author)	16
(ii) Penulis Koresponden (Corresponding Author)	4
JURNAL BERINDEKS SCOPUS / WOK	
(i) Penulis Bersama (Co-Author)	12
(ii) Penulis Koresponden (Corresponding Author)	2



DR. AHMED JAMAL ABDULLAH AL- GBURI
FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KOMPUTER

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis Bersama (Co-Author)	15
(ii) Penulis Koresponden (Corresponding Author)	10
JURNAL BERINDEKS SCOPUS / WOK	
(i) Penulis Bersama (Co-Author)	9
(ii) Penulis Koresponden (Corresponding Author)	1

Anugerah Kualiti Makalah Jurnal



Anugerah ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada staf akademik yang telah menghasilkan kualiti makalah jurnal terbaik bagi tahun 2023.

Kriteria minimum untuk melayakkan penyertaan adalah jurnal yang berimpak tinggi melebihi 0.3 berdasarkan Pangkalan Data SCOPUS dan *Web of Science* (WoS) kecuali jurnal-jurnal yang diterbitkan oleh UTeM. Sekiranya jurnal tersebut terdapat dalam kedua-dua pangkalan data, maka, jurnal yang mempunyai impak yang tertinggi akan diambil kira.

Makalah jurnal yang dicalonkan perlu ada penghargaan (acknowledgement) kepada UTeM atau pemberi dana.

Hanya penulis utama (lazimnya penulis pertama) yang makalahnya beralamatkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) layak memohon. Sekiranya penulis utama bukan penulis pertama, pengesahan bertulis daripada semua penulis bersama perlu disertakan.

Calon-Calon Akhir Anugerah:

- i. Dr. Najiyah Safwa Khashi'ie
- ii. Ir. Ts. Dr. Mohd Nazri Ahmad
- iii. Dr. Iskandar Waini
- iv. Dr. Ridhwan Jumaidin



DR. NAJIYAH SAFWA KHASHPIE

Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Mekanikal

PENULIS BERSAMA

Ioan Pop I., Roşca N.C., Roşca A.V.

JURNAL: Alexandria Engineering Journal

TAJUK MAKALAH JURNAL

Dual Solutions on MHD Radiative Three-Dimensional Bidirectional Nanofluid Flow over a Non-Linearly Permeable Shrinking Sheet

SINOPSIS MAKALAH JURNAL

Kajian ini meneliti aliran dua hala dan pemindahan haba dalam sistem magnetohidrodinamik (MHD) serta nanofluid radiasi yang terdiri daripada magnetit dan minyak pam vakum pada permukaan mengecut tak linear dalam sistem tiga dimensi. Melalui teori lapisan sempadan, persamaan asas model ini diubah kepada satu set persamaan pembezaan biasa (ODE) dengan menggunakan transformasi keserupaan, dan penyelesaian `bvp4c` digunakan untuk menyelesaikannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa peningkatan parameter magnetik dan kepekatan nanopartikel dapat meningkatkan pekali geseran kulit dan kadar pemindahan haba, manakala parameter radiasi mengurangkan kecekapan pemindahan haba. Nilai kritikal yang menandakan peralihan aliran dari laminar ke turbulen juga didapati boleh ditingkatkan dengan peningkatan parameter magnetik dan kepekatan nanopartikel. Selain itu, kelajuan mengecut tak linear memberikan peningkatan yang lebih ketara dalam pemindahan haba berbanding kelajuan linear. Dalam kajian ini, hisapan didapati perlu untuk menghasilkan penyelesaian dalam keadaan aliran mengecut bertentangan, menunjukkan peranan penting kawalan hisapan dalam menstabilkan tingkah laku lapisan sempadan. Sistem ini menghasilkan dua penyelesaian, namun melalui analisis kestabilan, penyelesaian pertama dikenal pasti sebagai lebih boleh dipercayai secara fizikal. Kajian ini memberikan pandangan yang berguna dalam mengoptimumkan ciri-ciri aliran dan pemindahan haba dalam sistem nanofluid MHD yang melibatkan kesan radiasi.

Anugerah



IR. TS. DR. MOHD NAZRI AHMAD

Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan

PENULIS BERSAMA

Ishak M.R, Taha M.M, Mustapha F., Leman Z., Irianto

JURNAL: Polymer Testing

TAJUK MAKALAH JURNAL

Mechanical, Thermal and Physical Characteristics of Oil Palm (Elaeis Guineensis) Fiber Reinforced Thermoplastic Composites For FDM (Type 3d Printer)

SINOPSIS MAKALAH JURNAL

Kajian ini memberi tumpuan kepada pengaruh serat terhadap ciri mekanikal, terma, dan fizikal komposit termoplastik yang diperkukuhkan dengan serat kelapa sawit untuk pencetakan menggunakan *Fused Deposition Modeling* (FDM). Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti bahagian yang dicetak, kajian ini menyiasat sifat bahan komposit baru tersebut. Sampel diuji menggunakan ujian mekanikal dan fizikal, spektroskopi inframerah transformasi Fourier (FT-IR), analisis termogravimetrik (TGA), kalorimetri pengimbasan pembezaan (DSC), dan mikroskop elektron imbasan (SEM). Keputusan menunjukkan bahawa komposit dengan 3% berat serat memiliki kekuatan tegangan dan modulus yang sedikit lebih tinggi daripada ABS biasa. Namun, apabila kandungan serat kelapa sawit ditingkatkan dari 0% hingga 7%, kekuatan lentur menurun, sementara nilai modulus meningkat. Tambahan pula, kestabilan terma bertambah baik dan ikatan hidrogen antara molekul meningkat setelah penambahan serat. Komposit juga menjadi lebih tahan terhadap kelembapan dengan penambahan lebih banyak serat. Komposit dengan 7% serat menunjukkan kestabilan dimensi yang lebih baik berbanding komposit dengan 3% dan 5%, menurut ujian pembengkakan ketebalan. Secara keseluruhan, komposit termoplastik yang diperkuat dengan serat kelapa sawit menunjukkan peningkatan sifat mekanikal, fizikal, dan terma dengan penambahan serat ke dalam matriks ABS.



DR. ISKANDAR BIN WAINI

Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan

PENULIS BERSAMA

Hamzah K., Khashi'ie N.S., Zainal N.A., Mohd Kasim A.R., Ishak A., Pop I.

JURNAL: Alexandria Engineering Journal

TAJUK MAKALAH JURNAL

Brownian and Thermophoresis Diffusion Effects on Magnetohydrodynamic Reiner-Philippoff Nanofluid Flow Past a Shrinking Sheet

SINOPSIS MAKALAH JURNAL

Kajian ini memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan gerakan Brownian dan termoforesis terhadap tingkah laku nanobendalir. Kesan-kesan ini adalah penting dalam meramalkan penyerakan dan pergerakan nanozarah dalam pelbagai aplikasi kejuruteraan dan perubatan. Selain itu, model aliran bendalir kompleks seperti bendalir Reiner–Philippoff iaitu sejenis bendalir tak Newtonan juga dipertimbangkan. Ini kerana bendalir dalam aplikasi kejuruteraan dan perubatan kebanyakannya bersifat tak Newtonan yang menjadikan model ini relevan untuk dikaji secara lebih terperinci. Penyelidikan ini juga mengkaji kesan medan magnet terhadap aliran nanobendalir. Ini amat penting dalam aplikasi kejuruteraan yang mana medan magnet digunakan untuk mengawal tingkah laku bendalir, contohnya seperti dalam penjana kuasa, pam elektromagnet, dan sistem penyejukan dalam elektronik. Tambahan lagi, kajian ini memberi tumpuan kepada aliran bendalir atas permukaan meregang dan mengecut. Permukaan jenis ini mempunyai implikasi praktikal dalam pelbagai proses pembuatan, termasuk pemprosesan bahan, pengeluaran polimer, dan teknologi pelapisan. Dengan menggabungkan aspek-aspek mekanik bendalir, pemindahan haba, dan dinamik nanozarah, penyelidikan ini menyumbang kepada pengetahuan yang lebih luas dalam bidang dinamik bendalir. Dapatan daripada kajian ini juga boleh diaplikasikan dalam penyelidikan teori dan masalah dalam proses industri dan teknologi. Makalah ini juga ditulis bersama beberapa penyelidik daripada institusi tempatan dan antarabangsa iaitu Profesor Madya Dr. Abdul Rahman Mohd Kasim (Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah), Profesor Anuar Ishak (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Profesor Emeritus Ioan Pop (Universiti Babes-Bolyai). Makalah ini telah diterima sebagai rujukan lanjutan dengan 9 jumlah petikan (SCOPUS).

**Anugerah
Bitara Kesidang 2024**

**DR. RIDHWAN JUMAIDIN**

Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan

PENULIS BERSAMA

Alia, R. A. Hazrati, K. Z., Ilyas, R. A., Tarique J., L. Y. Whang

JURNAL: International Journal of Biological Macromolecules


TAJUK MAKALAH JURNAL

Effect of Durian Peel Fiber on Thermal, Mechanical, and Biodegradation Characteristics of Thermoplastic Cassava Starch Composites

SINOPSIS MAKALAH JURNAL

Makalah ini melaporkan kajian berkenaan bahan terbiodegradasi menggunakan kulit durian yang dihibridkan dengan kanji ubi, pendekatan ini belum pernah dilaporkan dalam mana-mana kajian di peringkat antarabangsa sebelum ini. Hasil kajian menunjukkan potensi kulit durian sebagai bahan penguat yang mampu menambah baik sifat bahan ini. Dari segi kedudukan, Jurnal ini terletak pada Quartile 1 dengan ranking 6/74 iaitu Top 10% untuk kategori Chemistry, Applied. Dari segi sumbangan komuniti, kajian ini merupakan satu penemuan baharu untuk penghasilan plastik mudah terbiodegradasi dan mampu mengurangkan pencemaran alam. Lanjutan daripada hasil kajian ini telah membawa kepada penghasilan beberapa produk inovasi mesra alam seperti Bio-Dur Packaging dan juga Bana-Leaf Packaging. Produk ini adalah mesra alam dan boleh terbiodegradasi sepenuhnya dalam 4 minggu Sahaja yang boleh membantu dalam mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar. Produk-produk ini telah mendapat hak cipta dan berjaya merangkul beberapa Anugerah seperti Anugerah Emas sewaktu ITEX serta Anugerah Emas dan Anugerah Outstanding Innovation Award di Malaysia Technology Expo. Makalah ini juga telah mendapat perhatian di peringkat antarabangsa dimana Pangkalan Data Scopus menunjukkan jurnal ini telah menerima 10 sitasi daripada penulis dari pelbagai negara. Dari segi kepengarangan, penulisan makalah ini merupakan kolaborasi bersama dengan ahli akademik daripada Universiti Teknologi Malaysia, German Malaysia Institute, UniKL, dan kolaborasi bersama penulis antarabangsa iaitu Dr. Alia Ruzanna daripada Advanced Materials Research Center, Technology Innovation Institute, Abu Dhabi, United Arab Emirates. Dari segi kredibiliti penulis, pangkalan data Scopus menunjukkan H-Index 22 dengan Jumlah sitasi sebanyak 2,436 manakala pangkalan data Google Scholar menunjukkan jumlah H-Index 29 dengan jumlah sitasi direkodkan sebanyak 3,398.

Anugerah Khas Kumpulan



Anugerah Khas Kumpulan bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada kumpulan staf akademik di sesebuah Jabatan/ Fakulti/ Pusat Kecemerlangan yang telah bekerjasama dalam memberi impak terhadap kecemerlangan bidang tujuhan Universiti.

Anugerah Khas Kumpulan ini adalah untuk menggalakkan lebih banyak inovasi, perundingan dan jalinan hubungan terbentuk dalam kalangan staf UTeM dengan pihak luar dalam pelbagai aktiviti penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. Ia juga bertujuan memupuk dan menyemarakkan budaya kerjasama dalam aktiviti penyelidikan dan pengajaran dalam kalangan staf UTeM.

Kriteria Penilaian :

- Kerjasama dengan Industri/ Kerajaan/ Badan Profesional/ Komuniti/ Agensi
- Pengiktirafan daripada Industri/ Kerajaan/ Badan Profesional/ Komuniti/ Agensi
- Peringkat kerjasama

Calon Akhir Anugerah:

- i. Duta TVET UTeM-W2W
- ii. Rapid Advance Future Proshetics Leg
- iii. Kitar4komuniti
- iv. Auroteam
- v. Smart Hydrobike

**NAMA KUMPULAN
DUTA TVET UTeM-W2W**



KETUA

Ts. Dr. Nurul Hanim Razak

AHLI

Puan Siti Rohana Omar

Ts. Dr. Mohamad Faizal Baharom

Dr. Nidzamuddin Md Yusof

Ts. Dr. Mohd Hafidzal Mohd Hanafi

Dr. Mohd Nazmin Mazlan

SINOPSIS

Program bersama Duta TVET UTeM-W2W yang dilantik oleh Ketua Menteri Melaka ke-2, YB Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali ini bermula dengan memberi pemindahan ilmu dan teknologi Inovasi TVET berkaitan dengan pengurusan minyak masak terpakai (WCO) kepada produk hijau yang mesra alam dan berupaya membantu komuniti menjana pendapatan sekaligus memelihara kelestarian alam sekitar.

Duta TVET UTeM-W2W yang dipimpin oleh Ts. Dr. Nurul Hanim dari FTKM, UTeM, satu kumpulan komuniti hijau juga merupakan agen perubahan yang sangat pengalaman lebih lima tahun dalam R&D dan program komuniti hijau, bagi menghasilkan inovasi produk hijau yang dihasilkan daripada bahan buangan yang dirawat. Antaranya, produk inovasi hijau yang dihasilkan seperti Sabun, Lilin Aromaterapi dan Anti Serangga serta *Plasticizers* daripada minyak masak terpakai mahupun sisa buangan terawat lain yang berpotensi, dengan penjenamaan pemasaran, dikenali sebagai; *NaturaOleo*.

Seterusnya, Duta TVET UTeM-W2W telah mengadakan lebih daripada 20 program sepanjang Tahun 2023 pemindahan ilmu dan teknologi melalui Program *Waste to Wealth* (W2W) kepada komuniti berkenaan pengurusan pengurusan minyak masak terpakai kepada produk hijau yang premium hasil inovasi hijau melalui pemindahan ilmu (KTP) dan teknologi (TOT). Juga, lima produk inovasi hijau ini telah memperoleh *Intellectual Property* (IP).

Pendayaan Duta TVET UTeM-W2W telah berjaya menggabungkan keusahawanan sosial, amalan lestari, dan pembelajaran antara komuniti dalam mencipta transformasi berterusan dengan impak yang berdaya maju dalam meningkatkan kualiti hidup dan menjaga kelestarian alam sekitar.

NAMA KUMPULAN
RAPID ADVANCE FUTURE PROSHETICS LEG



KETUA

Encik Mohammad Rafi Omar

AHLI

Ts. Mohd Zakaria Mohamad Nasir

Tc. Kamaruddin Abu Bakar

Profesor Ts. Dr. Effendi Mohamad

Encik Zulkifli Jantan

Encik Basri Bidin

Ts. Dr. Muhammad Ilman Hakimi Chua Abdullah

Encik Ahmad Zul Husni Che Mamat

SINOPSIS

Projek Sumbangan Kaki Palsu, yang bermula pada Januari 2023 di bawah kepimpinan Encik Mohammad Rafi Omar, bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan yang mengalami amputasi kaki dengan menyediakan kaki palsu yang ringan, selesa, dan mampu milik. Menggunakan teknologi cetakan 3D dan pembuatan aditif, kaki palsu ini dihasilkan pada kos yang lebih rendah tetapi tetap mengekalkan kualiti dan ketahanan. Direka dengan ciri-ciri modular yang boleh disesuaikan, kaki palsu ini menggunakan bahan yang ringan tetapi kukuh, serta mempunyai sistem pengudaraan yang baik untuk memastikan keselesaan pengguna. Selain itu, ia mampu menyerap hentakan pada permukaan yang tidak rata, memberikan kestabilan tambahan kepada pengguna. Produk ini juga telah menjalani ujian kekuatan statik dan dinamik oleh SIRIM QAS, memastikan ia menepati piawaian keselamatan dan ketahanan.

Projek ini menerima tajaan khas daripada Kementerian Ekonomi sebanyak RM50,000 yang digunakan untuk memberi bantuan kepada enam (6) orang penerima manfaat. Dengan bantuan ini, keenam-enam penerima bukan sahaja dapat menikmati mobiliti yang lebih baik, tetapi juga berpeluang merubah taraf sosial ekonomi mereka. Kaki palsu yang lebih ringan dan berfungsi dengan baik membolehkan penerima kembali bekerja, melibatkan diri dalam aktiviti komuniti, dan menjalani kehidupan yang lebih berdikari. Projek ini bukan sekadar menyumbangkan prostetik, tetapi juga memberi peluang kepada penerima untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

**NAMA KUMPULAN
KITAR4KOMUNITI**



KETUA

Puan Siti Rohana Omar

AHLI

Profesor Madya Dr. Musthafah Mohd Tahir

Ir. Gs. Ts. Dr. Nik Mohd Zarife Hashim

Dr. Mohd Nur Azmi Nordin

Dr. Fadhli Syahrial

Ts. Dr. Nur Fatihah Azmi

Ts. Dr. Nur Hazwani Mokhtar

Dr. Khairul Fadzli Samat

Encik Muhammad Raihaan Kamarudin

SINOPSIS

Kumpulan Kitar 4 Komuniti telah diwujudkan rentetan dari projek *grassroot* antara UTeM, *Japan International Cooperation Agency* (JICA), *Kyushu Institute of Technology* (KyuTech) dengan matlamat untuk membudayakan amalan kitar semula melalui pendidikan di peringkat sekolah rendah. Projek ini menekankan kepentingan penerapan nilai-nilai 3R (Reuse, Reduce dan Recycle) bagi mewujudkan kesedaran awal tentang kelestarian alam sekitar dalam kalangan generasi muda. Pelaksanaan projek ini berdasarkan pendekatan *Redesign University Higher Education: University, Industry, and Community Engagement* yang mana pendidikan alam sekitar dibentuk melalui kolaborasi antara universiti, industri, dan komuniti. Melalui kerjasama ini, Modul Nota Hijau telah dibangunkan, yang diadaptasi daripada modul asal di Kitakyushu, Jepun. Modul ini telah disesuaikan dengan sejarah dan budaya tempatan Melaka untuk memberi impak yang lebih relevan kepada pelajar.

Hasil projek ini, kumpulan ini telah menghasilkan satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan KYUTECH, Jepun, beberapa *Letter of Intent* (LoI) dengan SWCorp, SWM dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh JICA dan dipantau oleh KYUTech sepanjang pelaksanaannya. Projek Grassroot Kitar 4 Komuniti diyakini mampu menjadi model yang efektif dalam usaha melahirkan generasi yang lebih prihatin terhadap alam sekitar, seiring dengan matlamat menjadikan Melaka sebagai negeri hijau menjelang tahun 2030. Pelaksanaan modul ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengikuti beberapa aktiviti yang berkaitan dengan kitar semula seperti pembuatan baja kompos, kraf dari kertas, plastik dan minyak masak terpakai. Secara tidak langsung ini akan merancakkan lagi pembudayaan amalan hijau dalam kalangan rakyat Malaysia.

NAMA KUMPULAN
AUROTEAM



KETUA

Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad

AHLI

Ts. Dr. Ahmad Shaarizan Shaarani

Profesor Ts. Dr. Sazilah Salam

Dr. Hazmilah Hasan

Ts. Dr. Siti Azirah Azmai

Ts. Dr. Mohd Fairuz Iskandar Othman

SINOPSIS

Penggabungan teknologi robotik dengan pedagogi digital bagi kegunaan pelajar autisme merupakan langkah progresif yang dapat menghasilkan pembelajaran yang lebih interaktif dan menyeronokkan. Satu kajian melibatkan reka bentuk pedagogi digital dengan aplikasi robot manusia telah dijalankan ke atas pelajar autisme tahap 1 dan autisme ringan. Pembangunan ini melibatkan pakar robot manusia, isi kandungan pembelajaran serta guru pendidikan khas. Model AuRo menerapkan kaedah pembelajaran secara visual, audio dan kinestetik (VAK) kemudiannya diimplementasikan kepada aplikasi robotik. Ianya memberikan keputusan positif dari sudut penerimaan dan keterlibatan iaitu 80% pelajar mencapai tahap emosi ekspresi pemudah cara. Ianya bermaksud pelajar mengalami sedikit kesukaran untuk menjaga, memahami dan meluahkan beberapa emosi dengan gerak isyarat, suara dan pergerakan badan yang koheren dengan konteks. Dapatan kajian menunjukkan penggabungan teknologi robotik bagi subjek matematik mampu meningkatkan kemahiran kognitif serta sosial. Kaedah ini membantu pelajar autisme mempelajari pelajaran matematik, berupaya mengawal pergerakan supaya lebih fokus dalam pembelajaran dan menarik perhatian melakukan aktiviti di dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya, rekabentuk pedagogi digital dengan aplikasi robotik ini memberi impak positif dalam dunia pendidikan khas yang dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan mempersiapkan pelajar autisme untuk masa depan.

**NAMA KUMPULAN
SMART HYDROBIKE**



KETUA

Ts. Dr. Yogan Jaya Kumar

AHLI

Encik Mazran Esro

Profesor Ts. Dr. Effendi Mohamad


Profesor Madya Eur. Ing. Dr. Sivakumar Subramaniam

Ts. Dr. Mohd Hafidzal Mohd Hanafi

SINOPSIS

Sungai memainkan peranan penting dalam keseimbangan ekosistem alam sekitar. Kepentingan sungai yang bersih sering kali tidak diambil serius oleh orang awam, yang membawa kepada pencemaran dan kemerosotan kehidupan air. “*Smart Hydrobike*” adalah satu inisiatif dan idea yang diketengahkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk menangani pencemaran sungai dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat serta alam sekitar. Konsep unik *Smart Hydrobike* adalah untuk tujuan aktiviti riadah dan pada masa sama untuk membersihkan sungai atau tasik. Sistem perangkap sampah *Smart Hydrobike* telah direka bentuk dan dibangunkan khas untuk disesuaikan dengan fungsinya untuk memerangkap sampah pada permukaan air. Cabaran utama dalam penghasilan *Smart Hydrobike* adalah mereka bentuk sistem pemerangkap sampah yang tidak mengganggu fungsi utamanya, iaitu kayuhan. Basikal air ini juga boleh dilengkapi dengan ciri keselamatan seperti peranti untuk mengesan lokasi basikal dan beberapa parameter lain bagi tujuan pengumpulan data berdasarkan *Internet of Things* (IoT). Pelbagai program CSR membersihkan Sungai Melaka melibatkan *Smart Hydrobike* telah dilaksanakan. Selain itu, bengkel penggunaan *Smart Hydrobike* bersama Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) telah diadakan bagi tujuan perkongsian ilmu dan program ini disertai oleh pelajar-pelajar UTeM dan murid-murid sekolah sekitar Melaka. Perasmian *Smart Hydrobike* juga telah dilaksanakan bersama Kerajaan Negeri Melaka pada 11 Disember 2023 di Pengkalan Rama, Sungai Melaka. *Smart Hydrobike* mempunyai potensi besar untuk dikomersialkan, terutamanya dengan keadaan sungai yang sering terjejas oleh pencemaran sampah. Produk ini bukan sahaja mempromosikan gaya hidup sihat dan riadah, tetapi juga berfungsi sebagai alat yang berkesan dalam pemuliharaan alam sekitar. Dengan adanya sokongan dari pihak berkuasa tempatan dan masyarakat, *Smart Hydrobike* boleh menjadi model pembersihan sungai melalui aktiviti riadah dan dapat menghasilkan satu tarikan pelancongan baharu di Melaka. Objektif jangka panjang adalah untuk terus menambah baik produk rekreasi mesra alam ini berdasarkan kemajuan teknologi dan meningkatkan keterlihatan UTeM dalam bidang penyelidikan teknologi pembuatan termaju.

Anugerah Penyampaian dan Pengajaran Inovatif



Anugerah ini bertujuan menyemarakkan dan berkongsi amalan terbaik penyampaian pengajaran inovatif selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi). Anugerah ini juga menyokong Anugerah yang diwujudkan di peringkat negara iaitu Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI) yang diadakan pada setiap tahun.

Anugerah ini juga bertujuan untuk mengenal pasti, memberi pengiktirafan serta berkongsi amalan terbaik projek-projek serta inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di UTeM oleh semua staf akademik UTeM dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran dalam tiga (3) kategori berikut :

- i. Pengajaran Transformatif
- ii. Pengalaman Pembelajaran Imersif
- iii. Inovasi PdP TVET

Kategori **PENGAJARAN TRANSFORMATIF**

Anugerah kategori ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran syarahan secara interaktif atau tanpa syarahan yang telah berjaya mentransformasikan pengendalian sesuatu kursus secara efektif, terutamanya ke atas keterlibatan dan pembelajaran aktif pelajar.

Kriteria Penilaian:

- Rasional; merangkumi penyataan masalah, jelas, spesifik, diukur dan dicapai.
- Pengajaran; merangkumi kaedah pengajaran, penerangan proses pelaksanaan, novelty dan teori pembelajaran.
- Penglibatan pelajar; merangkumi pengalaman pembelajaran.
- Impak kaedah pengajaran; merangkumi kesan pada pencapaian *learning outcome* (LO) dengan bukti, boleh digunakan oleh kursus lain/ bidang yang berbeza, digunakan di dalam/luar institusi dan manfaat pada institusi.

Calon-Calon Akhir Anugerah:

- Dr. Mas Haslinda Mohamad**
- Dr. Nur Zareen Zulkarnain**



KETUA

DR. MAS HASLINDA MOHAMAD

Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer

AHLI

Puan Siti Nursalasiah Abidin

SINOPSIS

Pemahaman yang baik berkaitan asas litar elektronik adalah penting kepada pelajar kejuruteraan elektronik. Pemahaman ini merangkumi kemahiran dari segi teori dan praktikal, yang membantu pelajar lebih berdaya tahan untuk menghadapi kursus yang lebih mencabar pada semester akan datang. Selain itu, kompetensi tentang asas litar elektronik membolehkan pelajar mengaplikasikan pembelajaran mereka dalam kursus yang melibatkan komponen reka bentuk, seperti Projek Reka Bentuk Bersepadu (IDP) dan Projek Tahun Akhir (FYP).

Berdasarkan isu-isu ini, pendekatan berasaskan pengalaman, koperatif dan khidmat masyarakat (ExCoS) telah direka dan dilaksanakan dalam kursus Elektronik Asas pada Semester I dan II, Sesi 2023/2024 di Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FTKEK), UTeM. Pendekatan ExCoS telah ditambahbaik dengan elemen-elemen transformatif seperti persekitaran pembelajaran, pembangunan kemahiran, penglibatan pelajar dan komuniti di dalam kelas. Dengan pendekatan ini, persekitaran pembelajaran yang pasif di dalam kelas berubah menjadi lebih aktif dengan keterlibatan pelajar merancang, melaksanakan dan refleksi program khidmat masyarakat bersama komuniti setempat.

Selain itu, penglibatan pelajar secara aktif telah membentuk pelajar yang lebih yakin, mahir, dan berfikiran kritis, sifat-sifat yang menyumbang kepada kejayaan mereka pada masa depan dalam bidang profesional. Hasil daripada pendekatan ini, peratus pencapaian Hasil Pembelajaran Kursus 1 (CLO1) dalam Elektronik Asas telah meningkat daripada 83% kepada 93% yang mana menjelaskan penguasaan pelajar terhadap CLO1 juga bertambah baik. Pendekatan ExCoS ini juga memberi manfaat kepada komuniti setempat dengan memupuk minat dalam STEM dan meningkatkan pemahaman terhadap subjek Sains.



DR. NUR ZAREEN ZULKARNAIN
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

SINOPSIS

Projek ini memperkenalkan model FUN, singkatan kepada *Focused*, *Unforgettable* and *Nurturing*, memfokuskan kepada mencipta semula pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menyelesaikan tiga (3) masalah utama yang dihadapi dalam generasi hari ini iaitu kemerosotan dalam rentang perhatian, jurang penglibatan dan kekurangan kemahiran insaniah. Menurut Statistic Brain, purata rentang perhatian orang pada masa kini hanyalah lapan (8) saat, disebabkan oleh kemajuan teknologi dan penggunaan maklumat media pendek, seperti menonton video kurang daripada seminit di TikTok. Jangka perhatian yang dipendekkan ini menimbulkan cabaran besar kepada pendidik, menjadikannya sukar untuk mengekalkan minat dan penglibatan pelajar. Ini menyebabkan gaya pengajaran sehala tradisional yang berwibawa mewujudkan jurang penglibatan antara pendidik dan pelajar. Model FUN terdiri daripada tiga (3) komponen untuk menangani isu tersebut. Komponen pertama, *Focused*, memberi penekanan kepada pemecahan bahan pengajaran kepada bahagian yang lebih kecil, menumpukan pada topik tertentu dan objektif pembelajaran untuk meningkatkan kefahaman dan pengekalan. Komponen kedua, *Unforgettable*, menggalakkan penyepaduan aktiviti inovatif dan interaktif untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang tidak dapat dilupakan yang menarik minat pelajar, perhatian dan meningkatkan aplikasi pengetahuan. Komponen terakhir, *Nurturing*, bertujuan untuk memupuk persekitaran yang positif, keyakinan diri, dan kecerdasan emosi. Ia membina kepercayaan antara pendidik dan pelajar yang membolehkan pembelajaran melangkaui pemindahan maklumat dan memupuk pelajar sepanjang hayat. Sejak pelaksanaannya pada 2020, model FUN terus bertambah baik sambil kekal sejajar dengan konsep teras. Maklum balas positif daripada pelajar, dicerminkan dalam penilaian pendidik dan pencapaian objektif pembelajaran kursus setiap semester, menunjukkan keberkesanannya. Tambahan pula, model FUN telah berjaya diterapkan di luar bilik darjah tradisional dan dalam membangunkan sumber pendidikan terbuka. Fleksibilitinya membolehkan pelaksanaan merentas pelbagai mata pelajaran dan bidang.

Kategori

PENGALAMAN PEMBELAJARAN IMMERSIF

Anugerah ini bertujuan untuk mengenal pasti, memberi pengiktirafan serta berkongsi amalan terbaik pengalaman pembelajaran imersif merangkumi pembelajaran imersif maya, teradun dan bersemuka.

Kriteria Penilaian:

- Rasional: Merangkumi penyataan masalah, jelas, spesifik, diukur dan dicapai.
- Pendekatan: Merangkumi kaedah pengajaran, penerangan proses pelaksanaan dan novelty.
- Penglibatan pelajar: Merangkumi pengalaman pembelajaran dan motivasi pelajar menggunakan platform imersif.
- Impak kaedah pengajaran: Merangkumi kesan pada pencapaian *learning outcome* (LO) dengan bukti, boleh digunapakai oleh kursus lain/ bidang yang berbeza digunakan di dalam/ luar institusi dan manfaat pada institusi.

Calon Akhir Anugerah:

I. Dr. Zakiah Abd Halim



DR. ZAKIAH ABD HALIM
Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal

SINOPSIS

Pelajar menghadapi peluang terhad untuk memasuki persekitaran kilang penapisan untuk pembelajaran secara langsung disebabkan oleh peraturan keselamatan operasi kilang. *Connecting the Dots* merupakan satu inisiatif untuk menyediakan pengalaman pembelajaran bermakna untuk kursus BMCG4843 Structural Health Monitoring (SHM) untuk pelajar tahun akhir Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal. Projek ini bertujuan untuk menangani jurang ini dengan mengintegrasikan teknologi Augmented Reality (AR) dan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBL). Dengan mereplikasi operasi penapisan dan tugas penyelenggaraan dalam persekitaran bilik darjah yang terkawal, pelajar bertindak sebagai jurutera profesional dalam menyelesaikan cabaran SHM yang realistik dengan metodologi pemikiran reka bentuk sistematik (DT). Pada Peringkat 1, pelajar meneroka teknologi SHM sedia ada dan AI generatif membantu pelajar untuk mensintesis dan menganalisis maklumat SHM yang kompleks. Kemudian, pelajar secara kolaboratif merancang penyelesaian yang berpotensi untuk menangani cabaran integriti struktur. Pada Peringkat 2, pelajar mereka bentuk dan membangunkan prototaip AR menggunakan aplikasi *Reality Composer* untuk mensimulasikan pemeriksaan SHM pada struktur, mempamerkan integrasi pengetahuan dan kreativiti mereka. Pameran prototaip AR dan pengajaran rakan sebaya dalam Peringkat 3 membolehkan pelajar memvisualisasikan senario SHM yang kompleks. Penyepaduan pengetahuan dari peringkat sebelumnya adalah sejajar dengan teori konstruktivisme, mencipta pengalaman pembelajaran mendalam yang bermakna untuk memenuhi hasil pembelajaran kursus yang dihasratkan. Inisiatif ini memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, dan meningkatkan pencapaian pelajar. Inisiatif *Connecting the Dots* menyokong pendidikan mampan dengan mempromosikan transformasi digital dalam pendidikan tinggi, dan yang paling penting membangunkan bakat terbaik untuk memenuhi permintaan industri.

Kategori INOVASI PdP TVET

Anugerah kategori ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran inovatif yang memberikan penekanan terhadap Technical and Vocational Education and Training (TVET). Ini merangkumi pedagogi yang inovatif, pentafsiran alternatif dan persekitaran pembelajaran kondusif dan interaktif.

Kriteria Penilaian:

- Rasional: Merangkumi pernyataan masalah, jelas, spesifik, diukur dan dicapai.
- Inovasi PdP TVET: Merangkumi kaedah pengajaran atau elemen inovasi PdP TVET yang dinyatakan dengan jelas, penerangan proses pelaksanaan dan novelty.
- Penglibatan pelajar: Merangkumi pengalaman pembelajaran.
- Impak kaedah pengajaran: Merangkumi kesan pada pencapaian *learning outcome* (LO) dengan bukti, boleh digunapakai oleh kursus lain/ bidang yang berbeza, digunakan di dalam/ luar institusi dan manfaat pada institusi.

Calon Akhir Anugerah:

- i. Ts. Dr. Norfariza Ab Wahab



KETUA

TS. DR. NORFARIZA AB WAHAB

Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan

AHLI

Ts. Dr. Mohd Basri Ali

Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Hadzley Abu Bakar

SINOPSIS

Projek *Service Learning Malaysia-University for Society* (SULAM): Program “*Smart Learning Space* (SELESA)” bersama Japerun DUN Durian Tunggal, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Alor Gajah dan Majlis Permuafakatan Pendidikan (MPP) DUN Durian Tunggal yang terdiri daripada Pengetua, Guru dan pelajar daripada sekolah sekitar DUN Durian Tunggal. Program ini selaras dengan aspirasi UTeM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk meningkatkan nilai tambah dan kompetensi Pensyarah dan pelajar melalui penglibatan dengan masyarakat dalam bidang TVET. Program ini bertujuan memberikan pengalaman pembelajaran yang menghubungkan teori dan praktis serta menyelesaikan masalah sebenar dalam komuniti dengan berteraskan kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati melibatkan subjek BMIM 1063 (Sustainable Machining). Aktiviti dalam projek ini merangkumi pengukuran dimensi, lukisan kejuruteraan (terperinci dan pemasangan), pemotongan bahan kerja, penghasilan produk dan analisis kekuatan bahan.

Anugerah Penjanaaan Pendapatan

Anugerah Penjanaaan Pendapatan bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf akademik yang berkepakaran dan berkaliber dalam memberikan perkhidmatan profesional kepada umum. Penerima Anugerah Penjanaaan Pendapatan ialah seorang staf yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dalam perkongsian kepakaran melalui pelbagai bentuk dan kerjasama dengan pihak industri, sektor swasta, badan berkanun, agensi kerajaan, komuniti dan individu yang selanjutnya menyumbang penjanaaan pendapatan Universiti dan memberi impak kepada pembangunan dan visibiliti Universiti.

Perkhidmatan pendapatan bermaksud hasil atau sumber pendapatan/keuntungan daripada aktiviti atau inisiatif penjanaaan yang dilaksanakan oleh PTj/kumpulan/individu/staf yang menyumbang kepada sumber hasil dalaman Universiti termasuk hasil terus Universiti dan Tabung PTj. Kategori inisiatif penjanaaan adalah meliputi usaha penjanaaan di dalam :

